

BAB IV

SYAIR KENANGAN

4.1 Isi Kandungan Syair Kenangan

Isi kandungan yang dipaparkan di bawah adalah berdasarkan isi dalam setiap rangkap Syair Kenangan.

Rangkap 1 - 6

Baginda memberi mukadimah dengan menyebut nama Allah serta berdoa agar baginda mendapat ilham petunjuk sambil memberikan nasihat (rangkap ke 6). Rangkap mukadimahnya telah disentuh dalam 3.2.7.

Rangkap 7 - 12, 19, 169, 316, 317, 321, 569 dan 580

Rangkap-rangkap tersebut menyatakan tujuan baginda mengarang syair. Di antara tujuannya adalah sebagai tatapan dan kenangan bukan sahaja kepada anakanda-anakanda baginda malah kepada para pentadbir dan seluruh rakyat Negara Brunei Darussalam termasuk

juga sanak saudara dan para sahabat baginda. Perkara ini dinyatakan dalam rangkap-rangkap syair berikut:-

Rangkap 008 - a Dikarangkan syair untuk kenangan,
b buat bacaan wajah timangan,
c sajak disusun banyak kekurangan,
d siapa membaca mencela jangan.

Rangkap 316 - a Wahai juita emas tempawan,
b disalatkan pantun untuk gurauan,
c buat penglipur hati yang rawan,
d dengan saudara handai sekawan.

Rangkap 13 - 16 dan 20

Dalam rangkap-rangkap syair tersebut baginda merendahkan diri dengan menyatakan bahawa syair-syair yang dikarang bukan sebagai nasihat dan bidalan. Justeru itu, baginda memohon maaf sekiranya susunan sajak(syair) tersebut terdapat kekurangan dan tidak sempurna. Dalam ketidaksempurnaan ini, baginda sudi menerima segala teguran yang jujur dan ikhlas.

Rangkap 17 - 18 dan 170

Dalam rangkap ke 17 dan ke 18 dinyatakan tentang cara baginda mengarang syair iaitu "beringsut" (beransur-ansur atau berdikit-dikit) sambil menunggu ilham (ramuan) dari Allah (99). Apa yang diketahui 99 ini adalah sebagai nama-nama Tuhan yang disebut sebagai Asma al-Husna. Rangkap-rangkap berikut membuktikan:-

Rangkap 017 - a Wahai anakanda muda yang su'ud,
b elok bargawai tampan yang sungut,
c mengarang syair kalam beringsut,
d sembilan puluh sembilan ramuan tersebut.

Rangkap 018 - a Sembilan puluh sembilan namanya
diberi,
b untuk bacaan muda jauhari,
c bagi kenangan dikemudian hari,
d menurutkan tangan kalam berlari.

Keadaan 'beringsut-ingsut' ini dikukuhkan lagi pada rangkap yang ke 170 yang menyatakan bahawa waktu baginda menulis tidak mengira masa sama ada siang atau malam (menurut kelapangan). Lihat rangkap berikut:-

- Rangkap 170 - a Sajak karangan bartumpalangan,
b dagang mengukir waktu kelapangan,
c terkadang siang kadang malaman,
d bukan dikerjakan malam siangan.

Rangkap 21 - 586

Dalam rangkap-rangkap ini pula adalah mengandungi tema di sebalik persoalan-persoalan yang menyentuh perkara akhlak. Akhlak yang dipaparkan adalah bersabit dengan 'Akhlak Diri' sama ada dalam lingkungan Persendirian, akhlak dalam peribadatan, kekeluargaan, kemasyarakatan, kenegaraan, kebudayaan, ekonomi dan antarabangsa.

Dalam rangkap-rangkap tersebut juga termasuk sebutan rajang buah-buahan iaitu dari rangkap 471 hingga 577. Di sini diturunkan sebutan rajang yang dimaksudkan.

1hb.	rajangnya	kelapa
2hb.	"	kapayas (papaya)
3hb.	"	kambayau
4hb.	"	jalayan

5hb.	"	delima
6hb.	"	tarap(terap)
7hb.	"	maritus
8hb.	"	rambai
9hb.	"	matan
10hb.	"	pilajau
11hb.	"	lakang
12hb.	"	rambutan
13hb.	"	mampalam
14hb.	"	manungan
15hb.	"	surapit
16hb.	"	langsat
17hb.	tidak disebutkan ¹	
18hb.	rajangnya	tampoi
19hb.	"	durian
20hb.	"	sukang
1 likur	"	buah barbulu
2 "	"	pinanasan
3 "	"	balunu
4 "	"	binjai

1. Mungkin pengarang terlupa atau ketinggalan semasa proses percetakan.

5	"	"	bambangan
6	"	"	kalumbi
7	"	"	pulasan
8	"	"	pisang
9	"	"	duku
30		"	nenas

Rangkap 587 - 592

Rangkap-rangkap syair tersebut berupa penutup syair. Baginda mengakhiri syair bukan sahaja seperti syair-syair biasa iaitu dengan mengundur diri malah baginda membentangkan segala alat perkakas adat istiadat Brunei yang melambangkan baginda ingin melihat dan memajukan adat istiadat Melayu Brunei.

Rangkap penutup syair ini telah disentuh dalam 3.2.7.

Untuk melihat penjelasan isi kandungan yang diterangkan di atas sila lihat carta 3 ini:-

Carta 3

Isi Kandungan Syair Kenangan

Perkara	Rangkap
Mukadimah -----	1 hingga 6
Tujuan mengarang syair-----	7 hingga 12, 19, 169, 316, 317, 321, 569, 580
Pengarang merendah diri-----	13 hingga 16, 20
Cara mengarang syair-----	17 hingga 18 dan 170
Isi dan Bentuk(tema yang tersirat-----	21 hingga 586 di sebalik perkara yang tersurat)
Penutup-----	587 hingga 592

4.2 Estetika Dalaman - Tema

Estetika Dalaman menumpukan perhatian pada perkara atau perihal dan tema dalam sesebuah karya sastera. Perihal yang juga disebut perkara oleh Hashim Awang² adalah berupa kata atau frasa atau dikatakan frasa nama³ seperti percintaan, keadilan, penderitaan rakyat Bosnia dll.

Tema pula berupa ayat atau ayat-ayat yang mengandungi makna tersembunyi atau tersirat di sebalik yang tersurat. Intinya merupakan kebukuan di hati pengarang yang seharusnya dikemukakan dengan secara tidak langsung dalam sesuatu karya sastera.⁴ Misalnya tema yang berbunyi 'di akhir-akhir zaman ini manusia semakin ganas, rakus dan tidak berperikemanusiaan'. Menurut Pickering "*The theme is the central idea of statement about life that unifies and controls the*

2. Hashim Awang, Teman Pelajar, KL: Fajar Bakti, 1985, hal. 22-23.

3. Lutfi Abas, "Tema Dalam Karya Sastera", (bahagian pertama), Dewan Sastera, KL: DBP., Mei 1988, hal. 67-70.

4. Ibid., hal. 67-70.

total work".⁵ Ini dijelaskan lagi oleh Hashim Awang dengan mengatakan bahawa tema adalah 'gagasan penyatuan' kerana pengarang dapat menyatukan pandangan-pandangan, fikirannya atau perkara tadi ke dalam satu cereka.⁶ Di samping itu tema juga didapati hasil daripada menyoal apakah tujuan seseorang pengarang atau penulis menghasilkan karyanya.⁷ Tema juga dikatakan sebagai pesanan(mesej) atau ajaran(moral) '*By theme, I mean the "message" or the "moral".⁸*' Akhir sekali tema dikatakan sebagai "*The central or dominating idea in a literary work. In non-fiction prose, it may be thought of as the general topic of discussion, the subject of discourse, the thesis. In poetry, fiction and drama it is the abstract concept*

5. Pickering, J.H., & Hoeper, J. D., Literature, London: Macmillan Publishing Co. Inc., 1982, hal. 45.

6. Hashim Awang, op. cit., hal. 22 - 23.

7. M. K. Danziger dan Johnson, W. S., Pengenalan Kritikan Sastera, (ter. Wong Seng Tong) KL: DBP., 1983, hal. 215.

8. Everitt, dipetik dalam rencana Lutfi Abas, "Tema Cerpen Karya Sastera", Bahana, BSB., NBD: DBP., Mei, 1990, hal. 7-9.

which is made concrete through its representation in person, action, and image in the work".⁹

Berdasarkan definisi-definisi di atas maka dapatlah disimpulkan bahawa perihal atau perkara adalah apa yang tersurat(langsung) manakala tema adalah berupa hal-hal yang tersirat(tidak langsung). Dalam tradisi sastera Islam perihal (perkara) lebih rapat menerapkan pada nilai-nilai keislaman dan seterusnya diangkat menjadi tema-tema sastera Islam, kerana ia lebih dekat kepada kesempurnaan. Perihal dan Tema berkenaan biasanya menyangkut soal ketuhanan, para nabi, sahabat, tabiin, awliya, ulama, salihin, pahlawan dan sebagainya. Dari segi ketuhanan jelas seperti yang dinyatakan dalam Syair Tentang Sifat 20. Tentang kenabian terdapat dalam cerita-cerita seperti Hikayat Mu'jizat Nabi dan Hikayat Nabi Mi'raj.¹⁰ Cerita yang berkaitan dengan sahabat Nabi seperti dalam Hikayat

9. Thrall - Hibbard, Holman, A Handbook Of Literature, The Odyssey Press, New York, 1960, hal. 486 dalam Shafie Abu Bakar "Takmilaah: Teori Sastera Islam", hal. 20.

10. Ismail Hamid, The Malay Islamic Hikayat. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1983, hal. 59.

Amir Al-Mu'minin 'Umar dan Hikayat 'Abdullah ibn 'Umar.¹¹ Hikayat mengenai tabiin terkandung dalam cerita tentang Hasan Basri dan tentang Sufyan al-Thawri. Contoh tentang awliya' ialah cerita seperti Rabi'ah Al-Adawiyyah dan Ibrahim bin Adham. Mengenai ulama terdapat dalam cerita tentang Imam Shafie dan Abu Hanafiah. Tentang orang-orang salih terdapat dalam cerita Hikayat Abu Yazid Al-Bistami, Hikayat Wasiat Lukman Al-Hakim dan Hikayat Raja Jumjumah.¹² Manakala cerita tentang pahlawan Islam ialah seperti Hikayat Muhammad Hanafiah dan Hikayat Amir Hamzah.¹³

Justeru itu, dalam Syair Kenangan karya Muda Omar 'Ali Saifuddien ini perkara atau perihal yang menonjol ialah persoalan etika (akhlak). Akhlak yang dipaparkan adalah tatalaku yang seharusnya dilakukan dalam melaksanakan kehidupan beragama dan sosiobudaya orang Brunei, dalam bidang siasah atau kenegaraan,

11. Ibid., hal. 113.

12. Ismail Hamid, Asas Kesusteraan Islam, KL: DBP., 1990, hal. 62 dan 98.

13. Ibid., hal. 94.

dalam perekonomian dan dalam bidang penuntutan ilmu pengetahuan atau pendidikan. Dengan kata yang lain, akhlak-akhlak yang ditonjolkan adalah memfokuskan kepada 'Akhlak Diri' iaitu bukan hanya dalam lingkungan Persendirian malahan soal dalam peribadatan, kekeluargaan, kemasyarakatan, kenegaraan, kebudayaan, ekonomi dan hubungan antarabangsa juga dititik beratkan. Daripada perkara/perihal yang dipaparkan di atas maka tema Syair Kenangan ini dapatlah disimpulkan sebagai, "Hidup di dunia yang sementara ini tidak akan sempurna tanpa akhlak." Untuk mengetahui sejauh mana baginda ingin dan prihatin terhadap 'kesempurnaan' atau men'takmilah' masyarakat Brunei dalam negara yang kecil itu, maka terlebih dahulu dijelaskan apakah pengertian dan ruang liput akhlak menurut konsep Islam.

4.3 Pengertian Akhlak

Apakah yang dikatakan 'akhlak'?

'Akhlak' kata jamak dari bahasa Arab 'akhlaq'. Kata mufradnya ialah 'khulqu' yang bererti:-

- i. Sajiyah = perangai
- ii. Muruu-ah = budi
- iii. Thab'u = tabiat
- iv. Adaab = adab.¹⁴

Secara umumnya pengertian akhlak menurut Ahmad Amin dalam bukunya al-Akhlaaq yang dipetik oleh Kahar Masyhur adalah baik dan buruk atau jahat, menerangkan apa yang perlu ada di dalam pergaulan umat manusia, menjelaskan tujuan yang harus dicapai dalam semua tingkah lakunya dan cara melaksanakan apa yang harus ada itu.¹⁵

4.4 Pendapat Cendiakawan dan Sabda Rasulullah Mengenai Akhlak

Syauqi Beg (penyair Mesir, wafat tahun 1932) pernah berkata:-

14. Kahar Masyhur, Membina Moral Dan Akhlak, Kalam Mulia, Jakarta, 1985, hal. 1.

15. Ibid., hal. 1.

إِنَّمَا الْأُمُمُ الْأَخْلَاقُ مَا بَقِيَتْ وَإِنْ هُمْ ذَهَبُوا
أَخْلَاقُهُمْ ذَهَبُوا

Maksud terjemahannya :-

"Hanya saja bangsa itu kekal, selama berakh�ak. Bila akhlaknya telah lenyap, maka lenyap pulalah bangsa itu".¹⁶

Sabda Rasulullah S.A.W:-

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَنَّمِّمَ مَكَارِمَ الْأَخْلَاقِ

Maksud terjemahannya :-

"Saya hanya diutus untuk menyempurnakan akhlak mulia."¹⁷

16. Ibid., hal. 3.

17. Malik b. Anas, Muwatta', Kaherah: Kitab al-Sya'ab, 1951, hal. 564.

Dari pendapat dan sabda Rasulullah S.A.W. itu membuktikan bahawa akhlak amat perlu dalam kehidupan seseorang demi menentukan kejayaan diri, masyarakat, bangsa dan kemakmuran negara.

4.5 Kategori Akhlak

Akh�ak ada dua kategori iaitu:-

4.5.1 Akhlak yang baik atau Akhlaq al-Mahmudah

4.5.2 Akhlak yang buruk atau Akhlaq al-Mazmumah

4.5.1 Ciri-ciri akhlak al-Mahmudah ialah akhlak yang sesuai dengan ajaran Allah SWT. Umpamanya:-

1. Beriman kepada Allah S.W.T. dan lain-lain,
2. Rajin beribadat,
3. Membayar zakat,
4. Memelihara aurat,
5. Menepati janji,

6. Suka damai,
7. Mengajak kepada makruf,
8. Melarang mungkar,
9. Menjaga batas aturan Allah S.W.T.,
10. Tergetar hati mendengar ayat Quran sewaktu dibaca,
11. Menyuburkan iman,
12. Suka menafkahkan sebahagian harta untuk jalan Allah,
13. Rendah hati,
14. Menjawab pertanyaan orang dengan baik,
15. Mendoa agar terhindar dari neraka,
16. Hidup sederhana,
17. Mentauhidkan Allah S.W.T.,
18. Tidak membunuh diri dengan sia-sia,
19. Memelihara kemaluan,
20. Jadi saksi yang jujur,
21. Menjauhkan diri dari yang jahat,
22. Suka mendengar ayat al-Quran,
23. Mendoa bagi keselamatan diri dan keluarga,
24. Mengasihi sesama muslim dan mukmin,
25. Memuliakan tamu,

26. Menghormati tetangga,
27. Suka berkata yang baik,
28. Memandang teman dengan baik,
29. Mempertahankan maruah sesama muslim,
30. Membentras kejahatan dengan bijaksana,
31. Tidak menyiarkan berita buruk,
32. Tidak menyusahkan orang lain,
33. Tidak ikut mengerjakan kejahatan,
34. Tidak jadi saksi palsu,
35. Tidak berzina,
36. Tidak mempersekutukan Allah S.W.T.,
37. Tidak kikir,
38. Tidak boros,
39. Tidak sompong,
40. Tidak berbuat salah,
41. Dan lain-lain yang terdapat dalam ayat-ayat al-Quran dan hadith-hadith.¹⁸

18. Kahar Masyhur, hal. 14.

4.5.2 Ciri-ciri akhlak al-Mazmūmah pula adalah Jawan daripada akhlak al-Mahmūdah seperti yang tersebut di atas.

4.6 Tujuan Berakh�ak

Di antara tujuan berakh�ak ialah menjadikan muslim selamat hidup di dunia dan di akhirat, seperti dalam doa yang dibacakan setiap lepas solat yang bermaksud:-

"Wahai Tuhan kami! Berikanlah kepada kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari azab neraka".

(Surah al-Baqarah (2) : 201)¹⁹

Ciri-ciri akhlak seperti yang dibentangkan di atas terdapat sebahagiannya dalam Syair Kenangan karya Muda Omar 'Ali Saifuddien. Hal ini akan dapat dilihat pada bahagian 4.7.1, 4.7.2, 4.7.3, 4.7.4, 4.7.5, 4.7.6, 4.7.7, 4.7.8 iaitu 'Akhlak Diri' dalam ling-

19. Tafsir, hal. 62.

kungan persendirian, peribadatan, kekeluargaan, kemasyarakatan, kenegaraan, kebudayaan, ekonomi dan hubungan antarabangsa.

4.7 Agama Sebagai Pengatur Akhlak

Sebelum huraian yang lebih lanjut mengenai 'Akhlak Diri', perhatikan dulu beberapa pendapat mengenai agama seperti berikut:-

Imam Gazali(1050 - 1111m) pernah mengatakan:-

الَّذِينُ دَوَاءُ وَالْعِلْمُ غِذَاءُ وَلَيْسَ
الدَّوَاءُ بِمَغْفِرَةٍ عَنِ الْغِذَاءِ وَلَا الْغِذَاءُ بِمَغْفِرَةٍ
عَنِ الدَّوَاءِ

Mafhumnya:-

"Agama bagaikan ubat dan pengetahuan
bagaikan makanan. Ubat tidak dapat
dipisahkan dari makanan, sebagaimana
makanan tidak dapat dipisahkan dari
ubat".²⁰

Fuller, Thomas (1608 - 1661 M, Inggeris) pula
berkata:-

*"A good life is the only religion (jiwa
yang murni hanya terdapat pada agama).*²¹

Arthur Wellesly, Wellington (1769-1852)

menegaskan:-

*"Educated men without religion, and make
them but clever devils (mendidik manusia
tanpa agama, hanyalah membinanya sebagai
iblis yang cerdik).*²²

20. Kahar Masyhur, hal. 3.

21. Ibid., hal. 4.

22. Ibid., hal. 4.

Ahli falsafah Jerman, Pachtah juga berkata, "akhlak tanpa agama adalah sia-sia."²³

Begitulah peranan agama dalam kehidupan sehari-hari. Dalam menyempurnakan agama (agama Islam), ada langkah-langkah atau peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi agar dapat menyempurnakan hidup manusia di dalam dunia ini. Justeru itu Muda Omar Ali Saifuddien sebagai kepala pemerintah atau Sultan di samping sebagai seorang penulis telah memberi perhatian dan keprihatinan baginda di dalam Syair Kenangan untuk mencurahkan kepentingan akhlak dalam kehidupan, baik kepada kesempurnaan akhlak putera-puteri baginda khususnya mahupun juga seluruh rakyat Brunei umumnya. Keprihatinan baginda ini adalah semata-mata ingin melihat dan menuju wawasan kebaikan, kemajuan bangsa dan kemakmuran negara Brunei Darussalam. Ada tiga perkara utama yang ditekankan oleh baginda seperti yang terakam dalam satu rangkap Syair Kenangan sebagai

23. Shahnun Hanif Abdullah Suhaimi, "Mengekang Keruntuhan Moral Melalui Agama", Berita Harian, KL., Malaysia, 17. 12. 93, hal. 10.

berikut:-

- Rangkap 040 - a Pertama iman yang mulia,
b kedua Islam yang diperkaya,
c ketiga ihsan yang amat berbahagia,
d dengan sebolehnya amati dia.

Rangkap syair di atas menunjukkan bahawa Iman (termasuk rukun iman) adalah perkara yang utama yang mesti dipegang oleh seluruh umat Islam, kemudian Islam (termasuk rukun Islam) yang wajib dipertingkatkan atau disebarluaskan dan akhir sekali ialah ikhsan sesama manusia. Tegasnya baginda bukan sahaja mengutamakan satu segi malah menjurus kepada hablun mina 'llah(i), hablun mina'l-nas(i) (hubungan baik dengan Allah dan hubungan baik dengan manusia). Perkara ihsan ini bertepatan dengan firman Allah Ta'ala yang bererti:-

"Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang berbuat kebaikan (berbuat ihsan)".

(Surah al-A'raf (7):56)²⁴

24. Tafsir, hal. 286.

Dengan pernyataan baginda tentang tiga komponen Islam iaitu Iman, Islam dan Ihsan tersebut menunjukkan baginda memang menjadikan Islam sebagai teras dalam berkarya. Aspek tersebut ditegaskan lagi oleh baginda dalam dua lagi rangkap syairnya seperti berikut:-

Rangkap 213 a Pertama takut kepada Allah,
b yang kedua mengucap dua kalimah syahadah,
c ketiga sembahyang berkelakuan petah,
d keempat zakat memberi fitrah.

Rangkap 214 a Kelima puasa bulan Ramadan,
b keenam naik haji cukup bekalan,
c ketujuh menghubungkan kasih simpulan,
d bersilaturrahim sebutan bidalan.

Bagi kejayaan ketiga-tiga komponen Islam ini, baginda lebih banyak menganjur dan menekankan kepada persoalan akhlak iaitu 'Akhlak Diri'. 'Akhlak Diri' bukan hanya terdiri dalam lingkungan persendirian, malah berhubung kait dengan soal peribadatan, kekeluargaan, kemasyarakatan, kenegaraan, kebudayaan, ekonomi dan hubungan antarabangsa. Di bawah, diturunkan

aspek-aspek tersebut berserta contoh dari rangkap-rangkap syair yang dimaksudkan:-

4.7.1 'Akhlak Diri' Dalam Lingkungan Persendirian

'Akhlak Diri' dalam lingkungan persendirian ini yang baginda anjurkan ialah soal niat, sabar, memilih teman yang baik, menuntut maaf, menuntut ilmu dan pendidikan dan jangan menurut kehendak hati/nafsu.

4.7.1.1 Niat

Keberkahan dan keberhasilan sesuatu pekerjaan adalah bergantung kepada niat. Niatlah yang memandu kita sama ada hendak membuat sesuatu yang baik atau sebaliknya. Jika berniat yang baik maka sudah tentu mendapat pahala ganjarannya menurut Islam. Tetapi jika sebaliknya, kita akan menerima padahnya dan mendapat dosa. Maka dengan itu baginda mengatakan:-

Rangkap 216 c mengesakan Tuhan berperi-peri,
d tumpukan niat janganlah lari.

- " 217 a Tumpukan niat bersungguh-sungguh,
b baktikan taat setia yang sungguh,
c berbuat kebaikan dengannya patuh,
d ke arah kejahatan jangan di-
sentuh.

'Berniat yang baik' itu seharusnya dipupuk dan
jangan sekali-kali diubah seperti madah baginda:-

- Rangkap 440 c sekiranya bertangkup langit dan
bumi,
d niat yang baik diubah jangan.

Baginda menyatakan lagi:-

- Rangkap 252 a Walau manimbun pengetahuan
beratur,
b seperti bunga emas dibuat tabur,
c niat di hati kalau tak jujur,
d di manakan dapat hajat tardulur.
- " 259 c kalau tersulam niat sempurna,
d harus terhindar dari merana.
- " 260 a Berniat sudi yang sebenarnya,
b haruskan mulia segala citanya.
- " 264 c kalau tercipta niat yang bersih,
d cahayanya cemerlang menjadi
lampaui.
- " 294 c akan terdapat balasan syurga,
d niat yang ikhlas penyertai dia.

- " 295 c niat yang jujur menyertai dia,
 d taat dan mengingat Tuhan yang satu.
- " 350 a Bersatu hati bersama niat,
 b ke jalan bahagia untuk akhirat,
 c membela membina perkara yang sihat,
 d mudahan sampai ke hari kiamat.

Mengenai dengan niat, Nabi Muhammad S.A.W bersabda:-

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَاتِ وَإِنَّمَا الْكُلُّ
 إِمْرَىٰ مَا نَوَىٰ

"Sesungguhnya segala amal itu dengan niat. Dan sesungguhnya bagi setiap manusia itu apa yang diniatkannya".²⁵

Setelah menumpukan niat yang berkebijakan atau kebaikan maka kunci tercapainya niat tersebut adalah

25. Al-Bukhārī, Sahīh al-Bukhārī, Vol. 1, Beirut: Dār al-Fikr, 1981, hal.2.

dengan doa seperti bunyi rangkap syair berikut:-

- Rangkap 110 a Doa itu adalah kunci,
b lebih dari itu harus terbuka,
c pekerjaan baik perbuatan keji,
d senang dan susah cara meneka.

4.7.1.2 Sabar

Apakah yang dimaksudkan dengan 'sabar'?

'Sabar' ialah tetap cita-cita dalam melaksanakan agama Islam, kerana dorongan agama dan menentang kemahuan hawa nafsu.²⁶

Dikatakan bahawa Allah Ta'ala menurunkan wahyu kepada nabi Dawud a.s., "Berakhlaklah dengan akhlak-Ku! Sesungguhnya sebahagian dari akhlak-Ku, ialah bahawa AKU Mahabesar".²⁷ Maka dengan itu dalam Syair Kenangan, baginda mengatakan:-

- Rangkap 025 - c menuju kebaikan banyakkan sabar,
d memohon kepada Allahu Akbar.

26. Kahar Masyhur, hal. 393.

27. Al-Ghazali, Ihya Ulumiddin, jilid 3, Singapura: Pustaka Nasional, 1992, hal. 1093.

1.7.1.3 Memilih Teman Yang Baik

Baginda mengingatkan sesiapa sahaja secara umumnya dan kepada anakanda-anakanda baginda khususnya tentang memilih teman atau kawan yang baik seperti saranan baginda:-

- Rangkap 061 b jika malaiku hendak berkawan,
c atau hendak memilih bangsawan,
d carilah orang yang setiawan.

Rangkap di atas menggambarkan tentang ciri teman yang unggul. Baginda mengatakan bahawa kawan yang paling baik untuk didekati ialah orang yang memegang amanah atau setia, jujur, memberikan nasihat dalam segala segi termasuk bijak memahami perasaan dan niat kita dan lain-lain. Menurut baginda lagi, orang yang berakhhlak baik seperti di atas bukan mudah dijumpai dengan sekelip mata tetapi sebaliknya berdasarkan injauan dan pengalaman kita dengan mereka sahaja akan dapat jawapannya:-

- Rangkap 241 a Wahai juita cahaya mata,
b jiwa utama tajuk mahkota,
c mencari kawan teman sekata,
d tak dapat dicari sekejap mata.
- " 242 a Tersangat susah mencari teman,
b muda yang bijak setia budiman,
c muda yang jujur lagi beriman,
d dapat memberikan nasihat yang nyaman.
- " 243 a Muda yang dapat menghulurkan nasihat,
b berani mengadapkan teguran yang sihat,
c dapat melaksanakan maksud dan hajat,
d dapat manyaluki tujuan niat.

Di antara lain tujuan kita berteman ialah selain daripada sebagai teman yang dapat memberikan bantuan baik secara fizikal maupun spiritual, ia juga amat berfaedah pada masa hadapan terutama bagi menghadapi lawan atau musuh seperti kata baginda:-

- Rangkap 244 a Muda bistari lagi pahlawan,
b kepada kebijakan bersetiawan,
c pegangannya kukuh payah tertawan,
d kerana kebaikan menghadapi lawan.
- " 288 c kalau terdapat sahabat handalan,
d berfaedah sungguh masa hadapan.

Apa yang diharapkan oleh baginda' ialah jangan tersilap dalam memilih teman yang baik, seperti kata pepatah 'serigala berbulu kambing':-

Rangkap 445 c ingat-ingat mencari kawan,
d jauhkan serigala berbulu kambing.

Dalam perkara di atas jelas sudah dinyatakan oleh Rasulullah kepada umatnya iaitu:-

إِيَّاكَ وَقَرِينَ السُّوءِ قَاتِلَكَ بِهِ تُعْرَفُ

Terjemahannya:-

"Jauhilah berteman dengan orang jahat, kerana engkau dikenal tenggarnya (orang akan dapat dikenal dengan melihat temannya)".²⁸

28. Al-Maghribi, Jami' al-Syamil Fi Hadith Khatim al-Rusl, Vol. 1, Beirut: Dār al-Kutub al-'ilmīyah, 1987, hal. 496.

Sebuah hadith Baginda lagi mengatakan:-

الْمَرْءُ عَلَى دِينِ خَلِيلِهِ فَلَيَنْظُرْ أَحَدُكُمْ
مَنْ يُخَالِكُمْ

"Manusia menurutkan temannya yang dikasihi, maka hendaklah kamu memilih siapa yang akan dijadikannya teman".²⁹

4.7.1.4 Menuntut Maaf

Akhlik yang mulia bagi seseorang ialah memuntut maaf jika tersilap atau tersalah dalam mengambil atau membuat sebarang keputusan dan tindakan. Lebih-lebih lagi bagi para pemimpin dalam menangani masalah negara. Begitu juga sebaliknya kepada orang-orang yang dipimpin. Soal bermaaf-maafan ini ada dinyatakan baginda di dalam syair:-

29. Al-Tirmidhi, Sunan., Vol. IV, Madinah: al-Maktabah al-Salafiyyah, t., t., hal. 18.

- Rangkap 442 c menuntut maaf apabila tersalah,
d perkara sukar hendaknya halusi.

Soal bermaaf-maafan ini juga telah ada dalam dalil naqli yang bererti:-

"Hendaklah mereka memaafkan dan melupakan kesalahan seseorang. Tidakkah kamu suka supaya Allah mengampunkan dosa kamu? Ingatlah Allah itu Maha pengampun dan Maha mengasihani".

(Surah al-Nur (24) : 22)³⁰

Lebih-lebih lagi ayat 52 dari surah al-Mu'min menegaskan bahawa:-

يَوْمَ لَا يَنْفَعُ الظَّالِمِينَ مَعَذَرَتُهُمْ
وَلَهُمُ الْعَذَابُ وَلَهُمْ سُرُورُ الدَّارِ

30. Tafsir, hal. 738.

Mafhumnya:-

"Pada hari itu tiada berguna meminta maaf bagi orang-orang yang bersalah. Dan mereka mendapat kutukan dan tempat tinggal yang amat buruk."

(Surah al-Mu'min(40):52)³¹

4.7.1.5 Menuntut Ilmu

Dalam bidang menuntut ilmu pengetahuan dan pendidikan, baginda menganjurkan akhlak-akhlak yang terpuji seperti gigih, berwawasan, jujur dan banyak membicarakan tujuan atau kepentingan ilmu pengetahuan seperti yang digambarkan baik secara langsung mahupun melalui ibarat/kiasan dalam rangkap-rangkap syair berikut:-

4.7.1.5.1 gigih

- Rangkap 240 a Kepada budiman yang tulus ikhlas,
b yang bersunguh-sungguh bukannya culas,
c yang mengetahui ilmu yang jelas,
d unjarlah ia di merata kelas.

31. Tafsir, hal. 1030.

- Rangkap 063 a Wahai juita muda yang 'arif,
b yang dikasihi bertambah karib,
c tuntutlah ilmu hingga maghrib,
d di sanakan dapat pelajaran arif.

4.7.1.5.2 Berwawasan

- Rangkap 065 c hajat tujuan dapat dinyata,
d ilmu pengetahuan adalah senjata,
- " 250 a Bersungguh belajar menuntut ilmu,
b walau di mana janganlah jemu,
c supaya banyak pengetahuan
badanmu,
d untuk menyenangkan perhubungan
dirimu.
- " 555 a Ilmu yang suci amalan bersih,
b putih melata wajahnya persih,
c puadai terbentang mangarasik
putih,
d cahaya memancar bertindih-tindih.

4.7.1.5.3 Jujur

- Rangkap 254 a Kejujuran berserta ilmu di badan,
b berpelajaran tinggi sama
berpadan,
c umpama berabunkan kemenyan badan,
d harumnya semerbak keluar
sempadan.
- " 581 a Setelah lulus pelajaran dituntut,
b membuat pekerjaan berlatih turut,
c apabila biasa latihan tersebut,
d perasaan senang kerja mengikut.

Rangkap 582

- a Sebelum ilmu dapat dipadan,
- b jangan berani melimpasi tauladan,
- c jangan berani melimpasi sempadan,
- d kuranglah elok pada sebutan.

Dalam rangkap akhir di atas baginda menyarankan supaya seseorang itu mengawal tingkah lakunya sebelum pengajiannya sempurna.

Dalam hal penuntutan ini apakah hukumnya menurut Islam?

Hukum menuntut ilmu dalam Islam ialah 'fardhu' atau 'wajib', seperti sabda Rasulullah S.A.W:-

طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ

Terjemahannya:-

"Mencari ilmu wajib atas setiap muslim".³²

Baginda bersabda lagi:-

إِنَّ الْحِكْمَةَ تَرْبِيُ الدُّشْرِيفَ شَرْفًا
وَتَرْفَعُ الْمَلُوكَ حَتَّى يُذْكَرَ مَدْرِسَةُ
الْمَلُوكِ

"Bahawa ilmu pengetahuan itu menambahkan mulia orang yang mulia dan meninggikan seorang budak sampai ke tingkat raja-raja".³³

Dalam hadith yang lain Baginda bersabda:-

الْعَالَمُ أَمِينُ اللَّهِ بُشْرَانُهُ فِي الْأَرْضِ

32. Al-Tibrizi, Misykat al-Masabih, Vol. 1, Beirut: al-Maktab al-Islami, 1979, hal.76.

33. Al-Ghazali, Ihya' 'Ulum al-Din, Vol. 1, Kaherah: 'Isa al-Babi al-Halabi, 1957, hal. 6.

Bertinya:-

"Orang yang berilmu itu adalah kepercayaan Allah S.W.T. di bumi".³⁴

Ilmu yang paling dituntut dalam Islam' ialah mengetahui hukum 'fara'id' kerana hukum ini mengandungi berbagai-bagai masalah dalam bidang pembahagian harta pusaka. Justeru itu, baginda bermadah:-

Rangkap 070 a Hukum fara'id hendaknya dikaji,
b masalahnya banyak bukan sebiji,
c kiranya bersungguh kita mengkaji.
d pembahagian betul harus tak rugi.

" 071 a Di segi syarak fara'id namanya,
b kebaikan masayrakat yang dikiranya,
c untuk kesihatan saudara handainya,
d hendaknya dibaca dengan sungguhnya.

" 072 a Mutalaahlah ia serta ingatkan,
b thuluth dan thuluthayn ada dinyatakan,

34. Al-Daylami, al-Firda'us bi Ma'thur al-Khitab, Vol. 111, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, 1986, hal. 72.

- c `asabah dan dhawi'l-arhām yang disebutkan,
 - d membetulkan rajah yang dikirakan.
- " 227 a Sebagai kiasan mengambil dalil,
b disegi fara'id sedekah tahlil,
c pemula disebut ta'wil diambil,
d disegi sedekah kita mengambil.
- " 228 a Misalkan memberi sedekah pemberian,
b elok diutamakan saudara sejiran,
c saudara sekampung yang berhampiran,
d kemudian dari itu sahabat jiran.
- " 229 a Di segi fara'id kalau dihitung,
b pemberian wajib tak dapat diguntung,
c tak dapat ditambah tak dapat dipotong,
d kiraannya sama jumlah dihujung.

Rangkap-rangkap syair di atas adalah mengenai pentingnya pembahagian harta pusaka disempurnakan dengan betul dan tiap-tiap waris yang berhak, diberikan haknya masing-masing. Kalau ada waris yang masih belum baligh (anak yatim) perlu dilantik pemegang amanah, jangan pecah amanah dalam memegang harta anak yatim. Perkara ini telah terang-terang dibentang oleh Allah dalam surah al-Nisa' ayat 6 yang

bermaksud:-

"Dan ujilah anak-anak yatim itu(sebelum baligh) sehingga mereka cukup umur(dewasa). Kemudian jika kamu nampak dari keadaan mereka(tanda-tanda yang menunjukkan bahawa mereka) telah cerdik dan berkebolehan menjaga hartanya, maka serahkanlah kepada mereka hartanya; dan janganlah kamu makan harta anak-anak yatim itu secara yang melampaui batas dan secara terburu-buru (merebut peluang) sebelum mereka dewasa. Dan sesiapa (di antara penjaga harta anak-anak yatim itu) yang kaya maka hendaklah ia menahan diri (dari memakannya); dan sesiapa yang miskin maka bolehlah ia memakannya dengan cara yang sepatutnya. Kemudian apabila kamu menyerahkan kepada mereka hartanya, maka hendaklah kamu adakan saksi-saksi(yang menyaksikan penerimaan) mereka. Dan cukuplah Allah sebagai pengawas (akan segala yang kamu lakukan)"

(Surah al-Nisa' (4) :6)³⁵

Bagi mereka yang ingkar dengan amanah itu maka Allah Ta'ala telah berfirman dalam surah al-Nisa' ayat 10 yang bererti:-

"Sesungguh orang-orang yang memakan harta anak-anak yatim secara zalim, sebenarnya mereka itu hanyalah menelan api ke dalam

35. Tafsir, hal. 146.

perut mereka dan mereka; dan mereka pula akan masuk ke dalam api neraka yang menyala-nyala."

(Surah al-Nisa' (4):10)³⁶

4.7.1.6 Jangan Menurut Kehendak Hati/Nafsu

Di samping itu, baginda juga menyarankan agar hidup di dalam dunia ini tidak mementingkan diri sendiri dengan mengikut sekehendak hati nurani kita.

Maka dengan itu, baginda berkata:-

- | | | |
|---------|-----|---|
| Rangkap | 232 | a Untuk kebaikan tumpukan hati,
b ke arah kejahatan elok berhenti,
c sekehendak hati jangan dituruti,
d hendaklah diingat wahai gusti. |
| " | 249 | a Jangan diturut sekehendak nafsu,
b segala perbuatan jangan berpesu,
c haruskan badan penat dan lesu,
d nila setitik merosakkan susu. |
| " | 298 | c kalau diturutkan kehendak hati,
d akhirnya kelak dapat kecewa. |

36. Tafsir, hal. 147.

Sikap yang negatif ini memang telah ada di dalam firman Allah:-

وَلَا تَتَّبِعُ الْهَوَىٰ فَيُضْلِلَكَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ

Terjemahannya:-

"Janganlah engkau menurut keinginan hawa nafsu kerana yang demikian itu akan menyesatkanmu dari jalan Allah".

(Surah Sad (38) : 26)³⁷

4.7.2. 'Akhlak Diri' Dalam Lingkungan Peribadatan

Dalam 'Akhlak Diri' dilingkungan Peribadatan ini membicarakan selain daripada diwajibkan taat menyembah dan mengingati Allah juga umat Islam diwajibkan mengerjakan Rukun Islam:-

37. Tafsir, hal. 991.

4.7.2.1 Keluarkan Zakat:-

- Rangkap 044 b bersungguh takut kepada Tuhan-Nya,
- c taat meyembah pada Tuhan-Nya,
- d mengeluarkan zakat harta bendanya.

Dalam memberi sedekah dan lain-lain utamakan dulu pada kaum kerabat, kemudian jiran-jiran yang terdekat dan sekampung, akhir sekali baru kepada rakan dan sahabat handai.

- Rangkap 200 a Misalkan memberi sedekah zakat,
- b carilah saudara rumah yang dekat,
- c saudara handai kampung sepakat,
- d sahabat jiran rakan sejawat.

Di antara tujuan mengeluarkan zakat ialah untuk perdamaian dan memupuk perasaan kemuhibahan

serta bantu membantu seperti kata baginda:-

- Rangkap 201 a Rakan sejawat sahabat handai,
 b bertulus ikhlas berhati
 meramai,
 c keluarkan zakat untuk ber-
 damai,
 d harus terlaksana perasaan
 usai.
- " 220 a Mengeluarkan zakat sedekah
 wajib,
 b buat membantu saudara yang
 daif,
 c membantu menghindarkan keadaan
 aib,
 d menandakan kemudian muhibah
 karib.

Bila zakat telah dilaksanakan, ini membuktikan kita telah melaksanakan perintah Tuhan. Rangkap di bawah ada menyebutkan:-

- Rangkap 223 a Kehasilan usaha yang diredhai Tuhan,
 b apabila genap bilangan kiraan,
 c bersama menghulurkan zakat
 kelabaan,
 d terbuktilah niat menurut
 suruhan.

4.7.2.2 Puasa:-

Di antara tujuan berpuasa ialah selain daripada

menahan lapar dan melatih diri dalam menghadapi berbagai-bagai kesukaran, puasa juga dapat membezakan di antara kehidupan yang bahagia (senang/mulia) dengan kehidupan yang dipenuhi dengan perbuatan yang bertentangan dengan nilai-nilai keislaman seperti berbohong, melakukan maksiat dan sebagainya:-

- Rangkap 224 a Kita berpuasa menahan lapar,
b melatih diri menempuh sukar,
c untuk menimbang senang dan sukar,
d membezakan kurimat dengannya lakar.

4.7.2.3 Menunaikan Haji:-

- Rangkap 225 a Wajib menuaikan haji ke Mekah,
b manakala cukup korban nafkah,
c taat menurut hukuman perintah,
d hukum syariat perintah Allah.

Tentang mengingati Allah ini, di dalam al-Quran mengatakan:-

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اذْكُرُوا اللَّهَ
ذِكْرًا كَثِيرًا

Terjemahannya:-

"Wahai orang-orang beriman! Ingat serta sebutlah nama Allah dengan sebanyak-banyaknya!"

(Surah al-Ahzab (33) :41)³⁸

Allah Ta'ala berfirman lagi yang bererti:-

"Wahai orang-orang beriman! janganlah harta bendamu dan anak-anakmu melalaikan kamu dari mengingati Allah."

(Surah al-Munāfiqūn (63) :9)³⁹

4.7.3 'Akhlik Diri' Dalam Lingkungan Kekeluargaan.

Begitu juga dalam hal kekeluargaan.

Keprihatinan baginda dalam soal kekeluargaan ini adalah dengan menganjurkan sifat berkasih sayang.

38. Tafsir, hal. 915.

39. Tafsir, hal. 1249.

4.7.3.1 Berkasih Sayang

Baginda menekankan akhlak berkasih sayang sesama insan seperti dalam rangkap-rangkap syair baginda:-

- | | | | | | | |
|---------|-----|---|---|--|--|--------------------------------|
| Rangkap | 037 | a | Wahai pakulun muda budiman,
b | cahaya mata mudahan beriman,
c | mudahan mendapat fikir siuman,
d | berbaik dengan saudara teman. |
| " | 041 | a | Wahai anakanda intan terpilih,
b | saudara sahabat jangan
berselisih,
c | perkara yang jahat jangan
digalih,
d | bertulus mesra seberapa boleh. |
| " | 045 | a | Menghubungkan kasih kepada
saudara,
b | disertai dengan niat yang
mesra,
c | ke jalan kebajikan ia ber-
segera,
d | harus terjauh daripada mara. |
| " | 084 | c | berkasih sayang dalang pohon-
kan,
d | mudahan bercahaya bagai
kumala. | | |
| " | 135 | a | Hubungan kasih ajaran agama,
b | Sesama saudara mulia dan hina,
c | mentaati perintah Tuhan
Rabbana,
d | mentaati Allah seberapa |

sempurna.

- " 156 a Berbaik-baik dengan saudara kerabat,
b hubungkan kasih dengan sahabat,
c berkasih sayang seberapa dapat,
d menuju ke arah jalan yang sihat.
- " 192 a Menurutkan firman Tuhan yang esa,
b mengikutkan hadith nabi berbangsa,
c bersilaturrahim sesama bangsa,
d akan terlaksana aturan perkasa.
- " 231 a Silaturrahim pula disebut,
b menghubungkan kasih berlembah-lembut,
c saudara sahabat turut menurut,
d bagi kebajikan bersama mengikut.
- " 297 c bertulus mesra kata mamadah,
d terang benderang intan baiduri.
- " 299 c bertulus mesra dari sekarang,
d sama ada di sini walau di mana.
- " 302 c bertulus mesra bersetiawan,
d orang di mana akan mencela.
- " 326 c kasih-kasih jangan berselisih,
d kasih juga akan balasnya.

4.7.4 'Akhlak Diri' Dalam Lingkungan Kemasyarakatan

Mengenai 'Akhlak Diri' dalam lingkungan kemasyarakatan ini baginda menyarankan agar tulus ikhlas dan jujur, berbuat baik, bantu membantu atau bersemuafakatan, bersefahaman dan muhibah, hindarkan sifat hasad dengki dan menghina dan hindari sikap takbur dan sompong.

4.7.4.1 Tulus Ikhlas Dan Jujur.

Apakah yang dikatakan 'Ikhlas'?

'Ikhlas' ialah lawan 'Riya'

Apakah yang dikatakan 'Riya'?

'Riya' ialah beribadat atau melakukan sesuatu bukan kerana Allah S.W.T. semata-mata tetapi ada dorongan lain.⁴⁰

40. Kahar Masyhur, hal. 406.

Dalam hal 'tulus ikhlas' dan 'jujur' ini baginda mengatakan:-

Rangkap 077 c sesama kita bertulus ikhlas,
d saudara handai bukan yang lain.

" 186 a Dagang asing yang datang
musafir,
b sama ada kaya mahupun fakir,
c bertulus ikhlas hendaknya
sefikir,
d kuranglah elok perasaan
mengusir.

Rangkap syair di atas menggambarkan baginda amat mengambil berat dan prihatin tentang keikhlasan kepada kaum keluarga, sahabat kenalan dan para tamu atau musafir.

Rangkap 251 a Perhubunganmu supaya senang,
b lautan Khalzum dapat direnang,
c syaratnya jujur hati berlinang,
d kejujuran itu utama dan menang.

" 312 a Walau pelajaran banyak berbilang,
b untuk sendiri bersenang-lenang,
c harus tak siapa endah mengenang,
d jujur di hati itulah menang.

Di antara perkara yang paling dikenang orang ialah kejujuran dan keikhlasan, bukan pada hal-hal yang lain sekalipun seseorang memiliki pelajaran yang tinggi dan meraih berbagai-bagai ijazah.

Justeru itu, jika seseorang ikhlas dan jujur dalam memberi teguran dan perkhidmatan maka sudah tentu orang itu adalah seperti maksud dalam dalil naqli yang bermaksud:-

Terjemahannya:

"Hendaklah ada di antara kamu (satu puak) yang senantiasa menyeru kepada kebaikan dan mencegah dari yang munkar, itulah orang-orang (mereka) yang menang".

(Surah Āli `Imrān (3):104)⁴¹

41. Tafsir, hal. 119.

4.7.4.2 Berbuat Baik

Baginda menganjurkan juga agar manusia sentiasa berbuat baik dan menjauhkan kejahatan seperti kata baginda di dalam rangkap-rangkap syair berikut:-

- | | | | |
|---------|-----|---|--|
| Rangkap | 098 | a | Berbuat jahat berpada-pada,
b berbuat baik jangan sekali,
c itulah pepatah dari moyang-
anda,
d fahamkanlah ia berkali-kali. |
| " | 196 | c | ke jalan yang jahat jangan
ditempuh,
d untuk kebajikan elok ber-
kampuh. |
| " | 245 | a | Kerana kebajikan menempuh
susah,
b untuk keamanan nasihat
menempuh,
c segala perbuatan tak
mangarusuh,
d ke arah kejahatan membanyakkan
tempoh. |
| " | 272 | a | Petah kelakuan bahasa ugari.
b adalah pembawaan badan
sendiri,
c kalaualah baik pembawaan diri,
d handai sahabat harus
mengemari. |
| " | 371 | a | Jangan sentiasa berdendam-
dendaman,
b sesama Islam muda budiman, |

- c sahabat handai yang se-permainan,
- d ditegah oleh hadith dan firman.

Ajaran supaya manusia berbuat kebaikan selain telah banyak dijelaskan dalam firman Allah Ta'ala ia juga telah ditegaskan oleh sabda Rasullullah S.A.W. yang berbunyi:-

إِنَّ بُدْلَاءَ أُمَّةٍ لَمْ يَرِدْ خُلُوَ الْجَنَّةَ
 بِصَلَاةٍ وَلَا صَيَامٍ وَلَا حِكْمَةٍ دَخَلُوا هَا
 بِسَخَاءِ الْأَنْفُسِ وَسَلَامَةِ الصُّدُورِ
 وَالنُّصْحِ لِلْمُسْلِمِينَ

"Sesungguhnya orang-orang mulia dari umatku, tidak akan masuk syurga dengan solat dan puasa, tetapi mereka masuk syurga dengan jiwa yang pemurah, dada yang sejahtera dan kerana nasihat kepada orang-orang muslim."⁴²

42. Al-Zubaydi, Ittiḥād al-Sādah al-Muttaqīn, Vol. VIII, Beirut: Dār al-Fikr, t., t., hal. 177.

Rasulullah S.A.W. banyak merendahkan diri dan selalu memohon, meminta pada Allah Ta'ala supaya menghiaskannya dengan kebagusan adab dan kemuliaan budi pekerti. Baginda mengucapkan dalam doanya:-

اللَّهُمَّ حَسِنْ خَلْقِي وَخَلُقْيِ

Ertinya:-

"Wahai Allah Tuhanku! Baguskanlah kejadianku dan akhlakku".⁴³

Baginda mengucapkan lagi:-

اللَّهُمَّ جَنِّبْنِي مُنْكَرَاتِ الْأَخْلَاقِ

Ertinya:-

"Wahai Allah, Tuhanku! jauhkanlah aku dari akhlak yang mungkar (budi pekerti yang tidak baik)".⁴⁴

43. Ibid., Vol. V11, hal. 91.

44. Al-Hākim, al-Mustadrak, Vol. 1, Beirut: Dār al-Fikr, 1978, hal. 522.

4.7.4.3 Bantu Membantu atau Bersemua fakatan

Akhlik dalam lingkungan kemasyarakatan yang lain yang diingini baginda ialah tolong menolong atau bantu membantu di antara satu dengan lain. Misalnya baginda bermadah:-

- Rangkap 021 a Wahai juita ratna tempawan,
b Intan terpilih muda bangsawan,
c kaum keluarga sahabat kawan,
d hendaknya sepakat bersetiawan.

Bantuan yang paling berkesan ialah membantu orang-orang yang dalam kesusahan. Jika kawan-kawan atau rakan kenalan hendaklah kita kunjung mengunjungi. Tujuannya ialah untuk mempereratkan silaturrahim. Hal ini tergambar dalam rangkap syair berikut:-

- Rangkap 233 a Bantu membantu kewajipan taulan,
b membantu yang susah buatkan
amalan
c kunjung mengunjungi kepada
kenalan,
d supaya teguh tali simpulan.

Dengan bermuafakat juga segala rancangan dan cadangan sudah tentu akan tercapai. Lihat maksud rangkap syair baginda:-

Rangkap 289 c rancangan cadangan dimasa depan,
d akan terlaksana kalau sakampuh.

Apatah lagi pekerjaan secara permuafakatan ini pastinya akan mendapat keberkahan dari Allah:-

Rangkap 311 c sepakat bermuafakat barambil-
ambilan,
d diberkati Allah barang kerjanya.

Tetapi sebaliknya jika tidak mahu berkerjasama, orang, sahabat dan rakan kenalan mungkin akan menjauhkan diri dan akan membenci kita.

Malah kata baginda, hal semuafakatan ini disuruh dalam firman Allah dan hadith junjungan, seperti dalam rangkap syair baginda:-

Rangkap 372 a Hadith junjungan firman Ilahi,
b menyuruh manusia berhati sihat,
c tidak menyuruh selalu berkelahi,
d bahkan disuruhnya kita ber-

muafakat.

Dalil naqli yang menyuruh berkerjasama atau
bergotong royong ialah:-

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالنَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا
عَلَى الْإِثْمِ وَالْعَدْوَىٰ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ
شَدِيدُ الْعِقَابِ

Terjemahannya:-

"Bertolong-tolonglah kamu dalam membuat kebaikan, tetapi jangan bertolong-tolongan dalam membuat dosa (maksiat) dan permusuhan, serta bertaqwalah kepada Allah! Sesungguhnya siksa Allah amat berat azabnya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya)!"

(Surah al-Mâ' idah (5) : (2)⁴⁵

45. Tafsir, hal. 196 - 197.

4.7.4.4 Bersefahaman dan Muhibah

Baginda juga mementingkan sikap persefahaman dan rasa kemuhibahan. Bila sikap ini wujud dalam diri seseorang maka sudah tentu akan mewujudkan nilai-nilai rasa kecintaan dan saling menyayangi di antara satu dengan lain. Maka dengan itu, baginda mengajurkan sikap atau akhlak yang baik ini seharusnya ada pada diri seseorang seperti kata baginda:-

- Rangkap 079 c semangat bersefahaman biar digiring,
d dapat mangusai perkara yang kusut.
- " 128 a Dengan saudara handai taulan,
b bersama mengukuhkan tali simpulan,
c simpulan muhibah saudara kenalan,
d bangsa dan agama sama berjalan.
- " 194 a Bulat air kerana pembentung,
b bulatlah bangsa apabila barurung,
c hakikat yang baik jika menyurung,
d haruskan muhibah kekal bersambung.
- " 246 c banyak simpul perkara simpul,
d simpulan muhibah jadi ristaan.
- " 270 a Wahai keluarga saudara mara,
b kewajipan kita menumpukan mesra,
c khilaf dan alpa jangan dikira,
d muhibahkan kekal tidak lara.

4.7.4.5 Hindarkan Sifat Hasad Dengki dan Menghina

Baginda tidak menyukai perangai atau akhlak hasad dan menghina ini seperti kata baginda di dalam rangkap-rangkap syair berikut:

- Rangkap 058 a Berlindunglah kita kepada Allah,
 b dengki dan hasad jangan dijumlahah,
 c ke dalam dada kalau berpindah,
 d mengubat ia amatlah susah.
- " 247 c untuk kebajikan gerakkan tangan,
 d hindarkan perbuatan kata menghina.

4.7.4.6 Hindari Sikap Takbur atau Sombong, Riya Dan Bermegah

4.7.4.6.1 Ada Dua Bahagian Takbur atau Sombong

- i. Takbur batin atau takbur dalam hati.
- ii. Takbur zahir atau takbur di luar badan.

4.7.4.6.2 Ciri-ciri Seseorang yang Takbur.

1. Kerana banyak ilmu,
2. Kerana banyak ibadat,
3. Kerana dari keturunan bangsawan yang tinggi,
4. Kerana badan sihat dan kuat,
5. Kerana kaya raya dan kemewahan hidup,
6. Kerana memiliki paras rupa yang cantik,
7. Kerana banyak pengikut, penolong, keluarga dan karib,
8. Dan lain-lain.⁴⁶

Seseorang yang memiliki sifat-sifat 'takbur' dengan sendirinya memiliki sifat 'riya' seperti yang telah dijelaskan di atas iaitu beribadat atau mengerjakan sesuatu bukan kerana Allah S.W.T. tetapi untuk menunjukkan di atas 'keberadaannya'.

Maka dengan itu, baginda tidak menyukai jika memiliki akhlak, sikap dan perbuatan seperti tersebut.

46. Kahar Masyhur, hal. 406

Buktinya cuba lihat dalam beberapa rangkap syair berikut:-

- Rangkap 026 a Tabiat gopoh berkelam-kabut,
 b takbur dan riya pula mengikut,
 c sombong bermegah di jalan tak patut,
 d harus tak siapa berasa takut.
- " 148 a Wahai pakulun ratna tempawan
 b cahaya mata ayahandamu tuan,
 c bukan disuruh berhati sawan,
 d tidak disuruh takbur melawan.
- " 151 a Ada bermegah kerana pangkatnya,
 b martabat lapisan diagungkannya,
 c kaya berharta dibawa-bawakan-nya,
 d cerdik dan pintar jadi kesombongannya.
- " 153 a Jangan dibiar bosan di dada,
 b jangan berperangai tak mahu qada,
 c jangan bercakap mengada-ngada,
 d untuk sendiri saudara tergoda.

Pemikiran baginda ini memang telah ada dalam dalil naqli yang milarang sombong:-

إِنَّمَا لَا يُحِبُّ الْمُسْتَكْبِرُونَ

Terjemahannya:-

"Sesungguhnya DIA (Allah) tidak menyukai orang-orang yang sombong(takbir)".

(Surah al-Nahli(16):23).⁴⁷

Sabda Rasulullah S.A.W. pula berbunyi:-

مَنْ تَكَبَّرَ وَضَعَهُ اللَّهُ وَمَنْ نَوَّاضِعَ رَفَعَهُ اللَّهُ

ERTINYA:-

"Barang siapa takbur, nescaya direndahkan oleh Allah dan barang siapa merendahkan diri, nescaya ditinggikan oleh Allah".⁴⁸

Mengenai riya Rasullullah pernah bersabda:-

لَا يَقْبِلُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ عَمَلاً فِيهِ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ مِّنْ رِيَا

47. Tafsir, hal. 515.

48. Al-Tirmidhi, op. cit., vol. 111, hal. 254.

Terjemahannya:-

"Allah S.W.T. tidak menerima amal yang terdapat padanya riya, walaupun sebesar atom".⁴⁹

4.7.5 'Akhlak Diri' Dalam Lingkungan Kenegaraan

Sebagai seorang pemimpin yang pernah menjadi Sultan yang memerintah Negara Brunei Darussalam iaitu Sultan yang ke-28, maka karya-karya baginda terserlah dengan imej kepemimpinan sama ada dalam kata, frasa, ayat, lambang/simbol, rangkap maupun isi atau mauduk keseluruhan dalam Syair Kenangan dan syair-syair baginda yang lain.

Imej-imej tersebut bukan saja ditujukan kepada anakanda baginda yang bakal menjadi pemimpin ketika itu malah imej-imej tersebut juga ditujukan kepada para pentadbir, petugas dan rakyat Brunei keseluruhannya.

49. Al-Zubaydi, op. cit., hal. 263.

Imej akhlak dalam soal kenegaraan ini banyak mengemukakan tentang 'cara (ciri-ciri) bagaimana berakhhlak yang baik dalam menangani dan menyempurnakan manusia Brunei dengan sebaik-baiknya'. Cara yang paling baik yang mesti dimiliki oleh setiap pemimpin atau para pentadbir di peringkat awal ada dinyatakan baginda dalam rangkap syair berikut:-

- Rangkap 118 a Syarat menjalankan peraturan negara,
b di dalam dunia buat sementara,
c untuk akhirat baik ditara,
d kerana Allah itu dikira.
- " 191 a Mengasuh negara supaya aman,
b kemasyhuran negara rakyat budiman,
c aman dan tenteram negara siuman,
d keadilan dibuat menurutkan firman.
- " 342 c berdasarkan kepada jalan yang benar,
d menurut hadith dengannya firman.
- " 343 c mengikut hadith dan juga firman,
d itulah jalan yang sejati.

Mengapa peraturan negara ini penting dengan mengingat dan menurut firman Allah?. Menurut baginda, ini adalah disebabkan:-

Rangkap 119 a Peraturan negara bukannya mudah,
b jangan diambil senang tak payah,
c tiap-tiap bernyawa ditelan tanah,
d di akhirat nanti perbuatan
terjumlahah.

Rangkap 120 a Apabila menggunakan timbangan
dunia,
b timbangan jangan berbatu tiga,
c hidup di dunia sajakan fana,
d di akhirat sungguh tempat
berduka.

Dari rangkap-rangkap syair di atas, ternyata baginda mementingkan urusan pentadbiran negara berlandaskan hukum dan firman Allah. Baginda mengingatkan bahawa kita harus ingat akan kehidupan di alam akhirat nanti, kerana kehidupan akhiratlah merupakan tempat yang kekal dan abadi serta tempat pembalasan hasil dari cara kehidupan di dunia. Setelah itu, barulah pemimpin dapat mentadbir negara dengan cara yang sistemik seperti madah baginda:-

Rangkap 181 a agar menjadi kandil pelita,
b untuk menerangkan maksud dan
cita,
c segala cadangan niat dikata,
d rancangan dibuat dahulukan peta.
"
182 c buatkan sifir timbangan sukatani,
d harus tiada dapat keberatan.

Rangkap syair di atas bermaksud, dalam mentadbir negara dan rakyat, sebelum sesuatu rancangan dan perkara atau sesuatu yang hendak dibuat hendaklah ditinjau dan difikirkan dengan teliti dan saksama agar segala yang dirancangkan itu tidak mendatangkan masalah dan bebanan baik pada pihak pemerintah (pemimpin atau kerajaan) maupun orang yang diperintah (orang yang dipimpin atau rakyat). Menurut baginda dalam mengendalikan negara seseorang pemimpin itu hendaklah bersikap dengan akhlak yang baik iaitu seperti adil, beriltizam, berhati-hati dan waspada, bersatu padu, berani, bertanggungjawab, mengikut prioriti, bijak memilih, teliti, jalan yang salah harus ditentang, jangan cuai dan berpaling tadah.

4.7.5.1 Adil

Perkara utama yang seharusnya dimiliki dalam sesuatu kepemimpinan ialah keadilan.

Kata 'adil' berasal dari kata bahasa Arab yang bererti insaf = keinsafan = yang menurut jiwa baik dan lurus.⁵⁰

Lihat apa kata baginda berkenaan keadilan ini:-

- Rangkap 093 a Jangan pakulun berhati tumpul,
b hendaklah berani ditimbang betul,
c jahat dan baik jangan dikumpul,
d semuanya itu akan terpikul.
- " 488 c menjalankan peraturan dengan saksama
d bercorak keadilan bukan bermegah.

Soal keadilan memang telah ada di dalam al-Quran dengan dalil naqlinya yang bermaksud:-

"Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, berbuat baik dan memberi bantuan kepada kaum kerabat dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji, munkar dan kezaliman".

(Surah al-Nahl(16):90)⁵¹

50. Kahar Masyhur, hal. 74.

51. Tafsir, hal. 533.

4.7.5.2 Beriltizam

Dalam menangani hal kenegaraan khususnya dalam mentadbir dan menghadapi masalah rakyat dan negara, maka seseorang pemimpin, pentadbir dan petugas yang telah diamanahkan memegang sesuatu tugas dan jawatan hendaklah mempunyai iltizam yang tinggi demi mengemaskinikan sistem pentadbiran negara. Dengan semangat komitmen dan keazaman yang tinggi itu maka sudah tentu membawa kejayaan dan kemakmoran masyarakat dan negara. Dengan lambang kaban yang bererti peti atau beg tempat menyimpan barang-barang berharga baginda bermadah:-

Rangkap 116 a Kaban terserah yang diamanahkan,
b carilah tempat untuk meletakkan,
c jangan diampaikan di tempat yang bukan,
d elok dikemas diperbetulkan.

" 310 c usai memperbaiki benda yang buruk,
d menandakan jujur dan juga patuh.

" 508 c usai dan kemasi segala perbuatan,
d itulah bukti cinta sejati.

Dari rangkap-rangkap syair di atas, lambang kaban menggambarkan sesuatu tugas yang telah diamanahkan itu akan dapat dilaksanakan sehingga berjaya dan sempurna. Dalam menjalankan amanah sebagai seorang pemimpin, petugas dan lain-lain ialah menjaga moral dan akhlak. Jika hal ini dapat dikawal maka itulah membuktikan kita mencintai diri sendiri, masyarakat dan negara.

Sebaliknya menurut baginda, sekalipun seseorang itu berkedudukan tinggi sama ada kerana jawatan dan kaya berharta namun orang tidak akan menghormatinya jika lupa pada tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan seperti kata baginda di dalam rangkap syair berikut:-

- Rangkap 394 a Buah rukam berpangkat-pangkat,
b oleh membeli di pasar ikan,
c mulia berharta lagi berpangkat,
d lupakan kewajipan yang ditugaskan.

Oleh hal yang demikian, baginda menyimpulkan bahawa setiap perkara yang masih kurang sempurna (tunjung) hendaklah dengan cepat bertindak untuk memulihkan kepada kebaikan. Jika sebaliknya, sudah

tentu akan menerima bencana dan situasi yang tidak menentu seperti kata baginda:-

- Rangkap 548 b kalau tunjung carikan sulai,
c jika terbiar tentu mangulai,
d segala-galanya jadi tak bisai.

4.7.5.3 Berhati-hati dan Waspada

Dalam menangani masalah rakyat dan negara, seorang pemimpin atau bakal pentadbir hendaklah mendisiplinkan diri dengan sikap berhati-hati dan waspada pada setiap perkara terutama dari segi sikap dan perbuatan. Oleh itu baginda sering mengingatkan (kadang-kadang digunakan baginda perkataan 'jangan' dan pemakaian lambang-lambang dalam bahasa Brunei yang berpengertian sendiri) seperti dalam rangkap-rangkap berikut:-

- Rangkap 096 b berjaga-jaga mangusai sikap,
c jalan yang lurus di sana ditegap,
- " 375 c hendak waspada tatkala membangsi,
d haruskan sampai niat di kalbu.
- " 428 a Jangan jarak jauh melangkah,
b jangan mangarapai kaki
bertingkah.

- " 456 c jangan diturut pekerti salibaya,
d mengikutkan riak di sana sini.
- " 466 c mana yang tahan elok disimpan,
d kalau dihabiskan kabungkayangan.
- " 476 c siapa cepat boleh melompat,
d jangan menyimpang ke sini sana.
- " 509 c betulkan kemudi jangan terbiluk,
d jangan dibiar pangait mangaruk.
- " 511 c meskipun banyak gaya dan lagak,
d jangan diturutkan maksud
kehendak.
- " 519 a Menjalankan usaha rancangan peta,
b bukannya senang seperti kata,
c berjenis rintangan halangan yang
lata,
d nyata tak nyata ketabahan kita.
- " 524 c sama ada jadi atau tak langsung,
d dengan teliti cara bertenung.
- " 532 c jangan dibiar kaki tersepit,
d mengambil masa duduk barpipit.
- " 536 c terlampau kuat tarluan lemah,
d haruskan tamuai tampik terbelah.
- " 537 c tunggul dan karang sedia di
bawahnya,
d terkadang tak dapat kita
melihatnya.
- " 547 c galang sintal jangan dilangkang,
d harus tergendala maksud kehendak.
- " 567 c tempat yang landai tiada berumbi,
d itulah tempat jalan berganding.
- " 577 c jangan dikhuatirkan buaya qanas,
d teras bulian bukan sampilau.

Begitu juga baginda mengingatkan terhadap tipu muslihat masyarakat asing terutama masyarakat barat seperti kata baginda:-

- Rangkap 281 a Warna putih merah dan hitam,
 b cahayanya terang bukannya kelam,
 c bila tercampur pancalap kulam,
 d sang putih tadi warnanya muram.
- " 282 a Muram tidak lagi berseri,
 b ke sana sini hanya mencari,
 c siapa terjumpa itu diberi,
 d asalkan jarum dapat berlari.
- " 283 a Menjalankan jarum berlemah lembut,
 b kaki berjalan seakan semut,
 c kira terkhilaf dapat terbilut,
 d itulah keris dalam selimut.
- " 534 a Ditangkap harimau bukannya senang,
 b kukunya tajam sugin tamiang,
 c kalau tidak pandai barumang,
 d sungai surut tak dapat berenang.

4.7.5.4 Bersatu Padu

Demi kelicinan pentadbiran, soal bersatu padu atau bermuafakat adalah menjadi faktor utama dalam sesebuah negara. Tanpa bermuafakat masyarakat dan negara akan berpecah belah dan sudah pasti mengalami kemunduran. Tetapi sebaliknya berkat

bersatu padu maka kerja-kerja yang berat menjadi ringan seperti kata bidalan Melayu 'berat sama dipikul, ringan sama dijinjing' dan yang penting sesebuah masyarakat itu akan menjadi kuat dan kukuh dalam apa jua rancangan dan tindakan. Hal ini telah diperkatakan dalam peribahasa Melayu, "Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh". Justeru itu, baginda menekankan konteks bersatu padu ini seperti tergambar dalam rangkap-rangkap syair berikut:-

- Rangkap 303 c bersatu hati bersama fikir,
d mematahkan perang yang
dikhawatirkan.
- " 305 c amalkan jujur sabar dan tabah,
d kejadian menyatu harus berjaya.
- " 413 c masyarakat bangsa turut berturut,
d benda yang keras menjadi lembut.
- " 414 a Perang berperang berperang-
perangan,
b halang berhalang berhalang-
halangan,
c bangkang berbangkang berbangkang
bangkangan
d untuk kebijikan bersama pegangan.
- " 415 a Bersama pegangan mengharumkan
negara,
b barsulai-sulaian sanak saudara,
c bersama menegakkan agama sugara,
d kemasyhuran kekal harus tak
cedera.

- " 444 c benda yang berat payah diangkat,
d ajaklah kawan beramai-ramai.

4.7.5.5 Berani

Soal berani menjadi salah satu faktor penting dalam menangani masalah negara. Justeru itu, kata baginda 'mendaki gunung melalui paya' berupa simbol yang bermaksud untuk menuju ke puncak kebahagiaan, kita mestilah berani walaupun menghadapi rintangan dan bahaya. Gambaran yang jelas sila lihat rangkap-rangkap berikut dalam syair ini:-

- Rangkap 089 a Jangan khuatir menuju bahagia,
b walau berapa rintangan gaya,
c mendaki gunung melalui paya,
d beranikan hati menempuh dia.

- " 393 c mengharungi lautan masuk belukar,
d untuk kebijikan besar pahalanya.

- " 401 a Dampar ka siring badan bertuah,
b pantang mati sebelum ajal,
c berbaik-baik sambung muhibah,
d untuk kebijikan jangan berkesal.

- " 426 c beranikan hati serta tawakal,
d ke arah kebaikan jangan
bergempar.

- " 465 c melalui paya mendaki gunung,
d perbuatan kebijikan jangan
dimalas.

- " 503 a Bersungguh beranikan hati
menempuh,
b sesama kita biar barkampuh,
c berkota jangan mahu diruntuh,
d itulah tanda muhibahkan kukuh.

4.7.5.6 Bertanggungjawab

Di samping itu, soal bertanggungjawab juga tidak kurang pentingnya dalam mempertahankan negara.

Baginda mengatakan:-

- Rangkap 190 a Mempertahankan negara dari rusuhan,
b menegakkan keamanan yang direldai Tuhan,
c bukan ditegah adalah suruhan,
d tanggungjawab rakyat mengadakan asuhan.

- " 274 a Jangan lekas keputusan diambil,
b berputus asa membuat degil,
c sebelum cukup kiasan dalil,
d jangan dulu berperang sabil.

- " 521 c tua mu ngaran muda rumaja,
d semua mempunyai kewajipan kerja.

Dalam menunaikan tanggungjawab ini, dalil naqli ada mengatakan dan terjemahannya adalah seperti berikut:-

"Janganlah engkau mengikut apa-apa pun yang engkau tidak mempunyai ilmu

(pengetahuan) mengenainya dan sesungguhnya pendengaran, penglihatan, hati dan anggota-anggota yang lain tetap akan ditanya tentang apa yang telah dilakukannya".

(Surah al-'Isrā' (17):36)⁵²

4.7.5.7 Mengikut Prioriti

Jika ada sesuatu perkara yang lebih penting hendaklah terlebih dahulu diusahakan daripada hal-hal yang lain. Bukti:-

Rangkap 322 c perkara tak elok sabarkan dahulu,
d bersegera menjalankan yang difikirkan elok.

" 482 c untuk kebaikan biar barbayau,
d menurut langkah susunan tersilah.

Firman Allah:-

فَإِنْ شَاءُوا مِنَ الْخَيْرِ

52. Tafsir, hal. 558.

Terjemahannya:-

"...maka berlomba-lombalah kamu mengerjakan kebaikan (kepada yang LEBIH BAIK!.)"

(Surah al-Baqarah(2):148)⁵³

4.7.5.8 Bijak Memilih

Dalam menerajui pentadbiran negara agar licin dan lancar maka perkara yang tidak kurang pentingnya ialah berhati-hati atau bijak dalam membuat pemilihan terutama di kalangan para pegawai yang dijadikan wakil memimpin dalam sesuatu jabatan atau bahagian. Maka dengan itu, baginda mengatakan:-

- Rangkap 105 a Asalnya buluh menjadi bilah,
b dibuatkan balat pengurung
lintah,
c disitukan banyak ikan berjumlah,
d hanya diambil yang dapat
dimamah.
- " 114 a Kalau masih dalam anggapan,
b perkara yang sulit masih
bersimpan,
c umpama membuka benda kesiapan,
d hendak memilihnya elok bersopan.
- " 562 c bertinggi luak menjadi landai,
d padan memadankan hendaknya pandai.

53. Tafsir, hal. 47

Rangkap-rangkap syair di atas jelas menggambarkan yang baginda sangat peka dalam membuat pemilihan terutama dalam melantik para pegawai iaitu siapa yang diamanahkan menangani hal pentadbiran negara. Perkara memilih ini sebenarnya memang sudah dianjurkan dalam agama Islam iaitu syarat-syaratnya:-

1. Kuat pegangan/amalan agamanya.
2. Cekap dalam bidang tugasnya.
3. Berakal sihat.
4. Sihat dari segi jasmani.
5. Yang lebih pemalu.
6. Yang berpengalaman.
7. Yang lebih mulia keturunannya supaya tidak mudah tergoda oleh orang jahat.
8. Yang lebih bersih hatinya.

Justeru itu, dalil naqli daripada hadith yang diriwayatkan oleh Bukhari membuktikan bahawa akan menghadapi bahaya bila mengangkat para pegawai yang tidak memenuhi syarat seperti sabda Rasulullah S.A.W.: -

إِذَا أَسْدَى الْأَمْرُ لِغَيْرِ أَهْلِهِ فَإِنَّهُ لِلْسَّاعَةِ

Terjemahannya:-

"Bila suatu urusan diurus oleh orang yang bukan ahlinya, maka tunggulah keruntuhannya."⁵⁴

4.7.5.9 Teliti

'Teliti' atau 'siasat' adalah seadil-adil cara dalam menangani sesuatu kepemimpinan, pentadbiran dan pemerintahan. Tanpa penelitian atau penyiasatan yang rapi sudah tentu mendatangkan kesan yang kurang baik kepada pihak-pihak yang terlibat. Justeru itu, baginda bermadah dalam rangkap-rangkap syair seperti berikut:-

- Rangkap 117 a Jangan diturut sekehendak hati,
b melaksanakan kerja usaha
dimesti,
c siasat dan bertanya hendaknya
dipasti,
d kerana kebaikan itulah qusti.

54. Al-Bukhārī, op. cit., hal. 176.

- Rangkap 276 a Sebarang langkah yang akan dibuat,
b habiskan usaha tatkala menyiasat,
c segala tujuan jangan tersesat,
d umpama berjalan jangan sekerat.
- " 402 a Jangan berkesal kata mengingat,
b jangan dilazimkan perangai menista,
c jangan dipegang khabar berita,
d dahulukan penyiasatan supaya nyata.
- " 441 c bertaubat membetulkan kira berdosa,
d usaha dan siasat biarlah cukup.

4.7.5.10 **Jangan Cuai dan Jangan Berpaling Tadah**

Seseorang yang telah diamanahkan memegang sesuatu jawatan tidak sepatutnya melakukan sebarang kecuaian dan jangan sekali-kali berpaling tadah jika diamanahkan sesuatu perkara. Rangkap-rangkap berikut ada menyatakan:-

- Rangkap 091 a Tatkala berunding diperbincangan,
b membahaskan perkara cadangan rundingan,
c perbuatan cuai rawan bimbangan,
d harus tak putus segala timbangan.

- Rangkap 092 a Wahai malaiku muda yang tenang,
b jangan dicuaikan perkara yang senang,
c difikirkan mudah senang dan lenang,
d di sana tak nampak semut berenang.
- " 502 c jangan hendaknya mahu dipatah,
d jangan sekali berpaling tadah.

4.7.5.11 Jalan Yang Salah Harus Di Tentang

Namun demikian, di samping membuat sesuatu perkara yang baik, seseorang pemimpin atau ketua dalam sesuatu jawatan dan juga rakyat diharus melakukan penentangan atau perlawanan kepada pihak-pihak musuh jika didapati pihak lawan yang memulakan sesuatu perkara. Maka dengan itu, baginda mengatakan begini:-

- Rangkap 052 c jalan yang salah mesti dilawan,
d hendaknya jangan mahu ditawan.
- " 363 c jangan lekas perasaan bimbang,
d sememang musuh pasti dilawan.
- " 419 d untuk kebaikan jangan mengalah.

Dalil naqli yang membolehkan membalaas (menentang) yang bermaksud:-

"Maka terhadap orang yang memusuhi mu,
musuhi pulalah dia seperti ia memusuhi mu".

(Surah al-Baqarah (2):194)⁵⁵

4.7.6 'Akhlak Diri' Dalam Lingkungan Kebudayaan

Dalam menegakkan maruah, budaya dan identiti bangsa maka baginda menyarankan agar masyarakat tidak akan terikut-ikut dengan pengaruh budaya-budaya luar atau asing. Justeru itu, cuba lihat apa kata baginda dalam rangkap syair di bawah ini:-

- | | |
|-------------|-------------------------------------|
| Rangkap 046 | a Jangan diturut adat yang musykil, |
| | b kepada kita dipandang ganjil, |
| | c dengannya kita tak sama fe'el, |
| | d tiada memilih besar dan kecil |
| " 047 | a Adat yang musykil biar dipaling, |
| | b supaya pandangan tiada runsing, |
| | c kata telahan tiada bising, |
| | d sesama kita tiada bargarling. |

Pendirian pengarang tentang kepentingan akhlak dan kebudayaan sendiri ini bersamaan dengan pandangan Mirabeau (1749-1791 M), seorang negarawan Perancis. Beliau berkata:-

55. Tafsir, hal. 60.

"It is more important to teach manners and customs than to establish laws and tribunals."

(Mengajarkan akhlak dan adat istiadat lebih penting daripada membuat undang-undang dan pengadilan).⁵⁶

Terutama sekali jika undang-undang yang diikuti itu adalah undang-undang Barat atau asing.

4.7.7 'Akhlak Diri' Dalam Lingkungan Ekonomi

Baginda amat mengambil berat terhadap bidang ekonomi dan perusahaan. Kemajuan dan kejayaan bidang ekonomi dalam sesebuah negara menggambarkan kejayaan sesuatu bangsa. Selain dari dapat memberi kemakmuran, kesenangan dan kebahagiaan rakyat, kejayaan ekonomi juga sudah tentu menaikkan imejnya di mata dunia. Namun demikian, kesenangan dan kemewahan dengan wang yang melimpah ruah itu bukanlah tiket untuk kaya selama-lamanya. Kekayaan tidak selamanya bertahan jika tidak disertai dengan kemurnian akhlak individu dan masyarakat. Justeru itu apa yang penting menurut baginda ialah keimanan sambil bergiat berusaha,

56. Kahar Masyhur, hal.4.

berzakat, berdikari, bersyukur, tidak mengenal jemu dan putus asa dan persiapan diri:-

- Rangkap 085 a Asalkan hati tetap beriman,
b mentaati Tuhan hadith dan firman,
c berniaga menyangkul bertanam-tanaman,
d bukannya hina maka bimbangan.

4.7.7.1 Berusaha

- Rangkap 221 a Hendaknya berusaha kita semuanya,
b mencari harta dan lain-lainnya,
c Tuhan mencurahkan segala rahmat-Nya,
d untuk kehidupan hamba makhluk-Nya.

- Rangkap 176 a Kehasilan usaha pekerjaan semuanya,
b jentera pesawat dan yang lainnya,
c sebut dan atom seumpamanya,
d daripada tenaga yang melaksanakannya.

4.7.7.2 Berzakat

Setelah berjaya di bidang perekonomian, apa yang diharapkan baginda seperti jua yang disaran oleh agama Islam iaitu mengeluarkan zakat:-

- Rangkap 201 c Keluarkan zakat untuk berdamai,
d harus terlaksana perasaan usai.
- " 218 a Keluarkan zakat harta perusahaan,
b apakala cukup nisab kiraan,
c jangan dikuhup dalam
perbendaharaan,
d berkat didapat berkemuliaan.
- " 223 a Kehasilan usaha yang diredhai
Tuhan,
b apabila genap bilangan kiraan,
c bersama menghulurkan zakat
kelabaan,
d terbuktilah niat menurut suruhan.

4.7.7.3 Berdikari

Menurut baginda di samping kuat berusaha hendaklah kita tanamkan sikap yang rajin dan berdikari. Dengan tertanamnya sikap ini, sudah tentu masyarakat tidak akan menghadapi penderitaan dan mengharapkan bantuan pada orang lain terutama daripada pemberian zakat:-

- Rangkap 222 a Zakat pemberian jangan
diharapkan,
b hendaknya berusaha sama
mengadakan,
c bersama membantu mengeluarkan,
d kehasilan usaha yang direndakan.
- " 290 c sanak saudara kerja bersungguh,
d dapat menghindarkan derita
jahanam.
- " 292 c segala pekerjaan berikat sama,
d haruskan kelabaan lekas didapat.

Mengenai hal ini Allah telah berfirman:-

اللَّهُ يُسْطِعُ الرِّزْقَ لِمَن يَشَاءُ وَيَقْدِرُ

Terjemahannya:-

"Allah senantiasa menghamparkan rezeki bagi
siapa yang ingin dan menkadarkannya".

(Surah al-Ra'd (13):26)⁵⁷

Rasulullah S.A.W. juga pernah bersabda bahawa:-

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

57. Tafsir, hal. 472.

"Haruslah kamu bermula, kerana pada perniagaan itu, sembilan persebelas dari rezeki."⁵⁸

4.7.7.4 Bersyukur

Selain daripada itu baginda juga tidak ingin melihat para pengusaha yang tidak pandai bersyukur malah mula lupa daratan dengan berpoya-poya, boros dan membazir ketika banyak memiliki wang. Tegasnya golongan ini lebih mudah menurut ajakan syaitan seperti kata baginda:-

- Rangkap 368 a Ke Tutong membeli siut,
b menyimbat sireh berpapan-papan,
c bukan untung modal terpaut,
d kalau diturut ajakan syaitan.

4.7.7.5 Tidak Mengenal Jemu dan Putus Asa

Dalam menerokai bidang ini hendaklah juga tidak memiliki sifat-sifat mudah jemu dan bosan. Dalam bidang perniagaan masyarakat Cina merupakan masyarakat yang memiliki sifat ini. Galakan baginda ini adalah

58. Al-Ghazali, Ihya' Ulum al-Din, Vol. 11, Kaherah: 'Isā al- Bābī al-Halabi, 1957, hal. 64.

juga bersandar pada Sabda Rasulullah lagi yang bermaksud:-

أَشَدُّ النَّاسِ عَذَابًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ الْكُفُونُ
الْفَارَغُ

"Manusia yang paling berat siksa-Nya di akhirat ialah orang yang menganggur dan berpangku tangan".⁵⁹

Tetapi jika di sebaliknya, sudah pasti akan menghadapi kegagalan:-

Rangkap 517 a Sekiranya ngalih barngalih-ngalihan, d tiada banyak jadi perusahaan.

4.7.7.6 Persiapan Diri

Apa yang diharapkan baginda dalam menceburि bidang ini ialah persiapan diri:-

Rangkap 584 a Latih berlatih berperlatihan,
b usaha berusaha berperusahaan,
c kasih berkasih berkasih-kasihan,
d begitu begini di mana bertahan.

59. Al-Daylami, Vol. 1, hal. 361.

Syair di atas bermaksud, untuk menceburi di bidang perusahaan atau perniagaan, terlebih dahulu seseorang pengusaha itu mestilah belajar, mengkaji atau mencari pengalaman pada bidang-bidang yang tertentu. Menurut baginda, sikap yang seharusnya ada pada seseorang pengusaha ialah sikap kasih mengasihi, bertimbang rasa, belas kasihan dan keperihatinan mereka kepada masyarakat terutama memberi bantuan kepada orang-orang miskin dan yang memerlukan.

4.7.7.7 Tawakal Kepada Allah

'Tawakal' berasal dari kata bahasa Arab 'Tawakkala' yang bererti: dzaminal qiyaamu bihii = menyerahkan pelaksanaan suatu tugas. Jadi, bertawakal kepada Allah S.W.T. bererti menyerahkan semua urusan kita sepenuhnya kepada-Nya, sesudah melakukan semua urusan kita sepenuhnya kepada-Nya, sesudah melakukan usaha semaksimum yang kita sanggup, sehingga kita benar-benar tidak mencampurinya lagi. Hal ini dapat juga dikatakan 'menyerahkan bulat-bulat kepada Allah'.⁶⁰

60. Kahar Masyhur, hal. 40.

Oleh itu apa kata baginda dalam hal 'tawakal' ini, cuba lihat baris-baris dari rangkap-rangkap Syair Kenangan:-

Rangkap 076 a Perkara sukar menjadi mudah,
b kalau tidak membanyakkan
telingkah,

c haruskan tiada mendatangkan
susah,
d syaratnya bertawakal kepada
Allah.

" 155 c membuat kebajikan kerana Allah,
d disertai dengan perangai dan
olah.

Rangkap 341 c berpegang teguh pada Ilahi,
d berdasar kepada jalan yang
benar.

Baginda menegaskan bahawa dalam apa bidang juapun termasuk usaha di bidang ekonomi ini perkara-perkara yang susah mudah ditangani jika tidak membanyakkan "talingkah" (perselisihan pendapat) dan angkara atau sabotaj; sebaliknya bertawakal dan berpegang teguh kepada Allah semata-mata.

Hal ini telah sedia ada dalam firman Allah yang berbunyi:-

فَإِذَا عَزَّمْتَ فَتُوكِلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ

Mafhumnya:-

"Apabila engkau telah berazam untuk membuat sesuatu maka bertawakallah kepada Allah, sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertawakal kepada-Nya".

(Surah Āli 'Imrān (3):159)⁶¹

Allah Ta'ala berfirman lagi yang bererti:-

"Bertawakal dan bersabarlah kamu kepada Allah, jika kamu benar-benar orang yang beriman".

(Surah al-Mā'idah (5):23)⁶²

Firman Allah dalam surah al-Talaq pula bermaksud:-

61. Tafsir, hal. 132.

62. Tafsir, hal. 204.

"Sesiapa yang bertawakal dan bertaqwa kepada Allah, maka Allah akan mencukupkan keperluannya dan memberinya jalan keluar pada setiap kesusahannya".

(Surah al-Talaq(65):2)⁶³

4.7.8 'Akhlik Diri' Dalam Lingkungan Antarabangsa

Dalam lingkungan antarabangsa ini baginda bermadah:-

- Rangkap 185 a Saudara Islam lagi sebangsa,
b masyarakat seagama amat berbahasa,
c bertulus kasih sentiasa,
d jangan berputus memutuskan asa.
- Rangkap 186 a Dağang asing yang dagang musafir,
b sama ada kaya mahupun fakir,
c bertulus ikhlas hendaknya sefikir,
d kuranglah elok perasaan mengusir.
- " 187 a Walaupun bukan bangsa sepancir,
b asalkan muafakat bersama sifir,
c jangan berdegil berkucar kacir,
d sebelum berkata dahulukan fikir.
- " 192 a Menurutkan firman Tuhan yang esa,
b mengikutkan hadith nabi berbangsa,
c bersilaturahim sesama bangsa,
d akan terlaksana aturan perkasa.

63. Tafsir, hal. 1257.

Dalam rangkap-rangkap syair di atas membuktikan yang baginda ini bukan hanya 'memedulikan' masyarakat dalaman yang dipimpinnya malah juga amat prihatin kepada orang-orang luar lebih-lebih lagi mereka yang menetap di bumi Brunei Darussalam. Begitulah juga apa yang dihasratkan baginda agar orang-orang Brunei mengikat silaturahim dengan masyarakat luar.

Demikianlah 'perihal' yang menunjang 'tema' Syair Kenangan yang telah berjaya diungkapkan oleh Muda Omar 'Ali Saifuddien. 'Perihal' sebagai 'perkara' yang dikemukakan secara yang tersurat manakala 'tema' adalah makna yang tersirat. 'Perkara' yang tersurat jelas dari beberapa persoalan etika, moral dan akhlak yang telah dikemukakan baginda. Akhlak-akhlak al-mahmūdah atau akhlak yang baik adalah dihasratkan baginda agar manusia sejagat terutama generasi Brunei sempurna dalam kehidupan sehari-hari baik dalam kehidupan persendirian, kekeluargaan, kemasyarakatan, kenegaraan, ekonomi, ilmu pengetahuan dan antarabangsa. Tegasnya dalam ciri-ciri akhlak al-mahmūdah seperti yang dibentangkan dalam 4.5.1 itu menjadi kayu ukur

atau sukat-sukat baginda dalam membentangkan Syair Kenangan. Malah lebih daripada itu baginda menambahkan lagi dalam ajaran dan larangan-larangan seperti yang dianjurkan dalam al-Quran dan hadith-hadith Rasulullah. Di bawah dijelaskan sekali lagi apa yang dihasratkan dan yang tidak diingini baginda dalam kehidupan (ulangan) :

1. Berniat yang baik
2. Sabar
3. Berteman yang baik
4. Menuntut maaf
5. Menuntut ilmu:
6. Gigih
7. Berwawasan
8. Jujur
9. Jangan menurut kehendak hati/nafsu
10. keluarkan zakat
11. Puasa
12. Menunaikan haji
13. Berkasih sayang
14. Tulus ikhlas dan jujur

15. Berbuat baik
16. Bantu membantu
17. Bersefahaman dan muhibah
18. Hindarkan sifat hasad dengki dan menghina
19. Hindari sikap takbur atau sompong, riya dan bermegah
20. Adil
21. Beriltizam
22. Berhati-hati dan waspadा
23. Bersatu padu
24. Berani
25. Bertanggungjawab
26. Mengikut prioriti
27. Bijak memilih
28. Teliti
29. Jangan cuai dan jangan berpaling tadaх
30. Jalan yang salah harus ditentang
31. Jangan mengikut budaya luar/asing
32. Majukan ekonomi:
33. Berusaha
34. Berzakat
35. Berdikari

36. Bersyukur
37. Tidak mengenal jemu dan putus asa
38. Persiapan diri
39. Tawakal kepada Allah
40. Hormat kepada para musafir atau orang luar

Mengapakah penyair Muda Omar 'Ali Saifuddien menganjur dan melarang sikap-sikap seperti yang dibentangkan di atas? Ini adalah disebabkan wawasan baginda ingin pada perkara kebaikan dan menjauhi segala apa yang dilarang:-

Rangkap 582 c jangan berani melimpasi sempadan,
d kuranglah elok pada sebutan.

Lebih-lebih lagi hasrat baginda ini adalah semata-mata untuk faedah diri kita sendiri juga demi kesenangan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat seperti dalam baris-baris syair berikut:-

Rangkap 250d untuk menyenangkan perhubungan dirimu.
" 254d harumnya semerbak keluar sempadan.

Justeru itu, apa yang tersirat dan yang berupa tema Syair Kenangan ini dapatlah disimpulkan "Tanpa akhlak, tidak akan membawa kesempurnaan insan, masyarakat, negara dan dunia".

4.8 Estetika Luaran: Bentuk (Form/Visual)

Bahasa mengambil peranan penting dalam sesuatu karya sastera baik karya yang berbentuk prosa maupun puisi. Mengenai bahasa puisi, Nabi Muhammad pernah bersabda yang kira-kira bermaksud, "Puisi adalah kata-kata yang tersusun. Apa yang bertepatan dengan kebenaran itu adalah kebaikan dan apa yang tidak bertepatan dengan kebenaran adalah tidak terdapat kebenaran". Dalam sabda yang lain baginda menyatakan, "Sesungguhnya puisi itu mengandungi kata-kata hikmat."⁶⁴ Dari dua buah hadith ini, Mana Sikana telah memberi beberapa kesimpulan berupa teori puisi Islam. Puisi (*syair*) adalah hasil daripada penyusunan perkataan yang menjelaskan peranan bahasa dalam karya.

64. Mana Sikana, "Tiga Penyair Nusantara: Yahya M.S., Noor Hidayat dan Marhan", dalam Ahmad Kamal Abdullah, (ed.), Kesenian Islam KL: DBP., 1990, hal. 51.

Puisi yang indah harus menggunakan penyusunan bahasa yang indah. Menurut beliau lagi teori puisian Nabi Muhammad ini kemudianya diterima di Barat, seperti yang dikatakan oleh T. S. Coleridge, "*words in the best order*" (kata-kata dalam susunan yang terbaik) dan khusus untuk puisi katanya, "*the best words in the best order*" (kata-kata yang terbaik dalam susunan yang terbaik).⁶⁵

Apa yang diperkatakan di atas adalah juga disebut sebagai gaya. Menurut Muhammad Hj. Salleh, "gaya atau 'stail' adalah cara menggunakan bahasa dalam sesebuah tulisan".⁶⁶ Menurut Umar Junus, "Gaya ialah manipulasi penggunaan bahasa sesuai dengan yang ingin dinyatakan penulisnya, sehingga menimbulkan kesan tertentu kepada pembacanya".⁶⁷ Dalam membicarakan 'gaya' atau 'stail' ini Danzinger dan Johnson mengatakan bahawa kita sebenarnya menumpukan perhatian

65. Ibid., hal. 51.

66. Muhammad Hj. Salleh, Pengalaman Puisi, KL: DBP., 1984, hal. 30.

67. Awang Sariyan(ed.) Dari Kata Ke Ideologi, Persoalan Stilistik Melayu, KL: Fajar Bakti, 1985, hal. 48.

khusus kepada teks penulisan itu seperti penggunaan bahasa, pemilihan kata, imajeri, sintaksis dan nada.⁶⁸ Wellek pula berpendapat, "Kesan keindahan sesebuah sastera adalah hasil nukilan bahasa, sama seperti kreaksi pengukir dari batu-batu marmar yang sedia indah tetapi diperindahkan lagi dengan kemahiran yang dimiliki ketika mengukirnya".⁶⁹ Menurut Proust dan J. M. Muray (1960), 'gaya' adalah menjadi milik penulis seperti warna kepada pelukis. "Gaya itu bukanlah teknik penulisan,...tetapi ia adalah corak penulisan yang dapat mewakili diri seseorang pengarang. Dengan kata lain, gaya ialah 'hasil kejayaan seseorang pengarang menggunakan bahasa yang dapat memperlihatkan peribadi dan keunggulannya dalam berkarya".⁷⁰ Misalnya gaya penyajak Rejab F.I berbeza dengan gaya Nahmar Jamil. Cerpenis Anwar Ridhwan

68. M. K. Danzinger dan W. S. Johnson, op. cit., hal. 55.

69. Rene Wellek dan Austin Warren, *Theory Of Literature*, Harcourt, Brace and World, new York, 1970, hal. 174. Dipetik dalam Sahlan Mohd. Saman, Sastera Bandingan, Konsep Teori dan Amalan, KL: Fajar Bakti, 1986, hal. 66.

70. Dalam Mana Sikana, Pendekatan Kesusasteraan Modern, KL: Karyawan, 1990, hal. 52.

memiliki gaya tersendiri dibandingkan dengan Ali Majod. Gaya Arenawati dalam menulis novel tidak sama dengan Shahnun Ahmad dan pengkritik Muhammad Affandi Hassan berbeza dengan gaya Ramli Isin.⁷¹ Dengan hal yang demikian, apabila kita membaca sesebuah karya, walaupun tanpa melihat *by-line* nama penulis atau pengarangnya, cara gaya penulisannya itu boleh memberi ruang kita mengagaknya. Dari nilai estetikanya kita dapat melihatnya. Justeru itu, gaya syair Raja 'Ali Haji tidak sama dengan gaya Muda Omar 'Ali Saifuddien terutama dari segi pemilihan diksi.

Apa yang ingin pengkaji jelaskan di sini ialah gaya bahasa yang akan diterapkan nanti bukanlah ditinjau dari sudut 'stilistik'. Gaya dalam

71. Ibid., hal. 52.

Syair Kenangan karya Muda Omar 'Ali Saifuddien ini cuma dilihat dari unsur-unsur kepelbagaian dan kelainan bentuk bahasa yang membawa kepada nilai keindahan. Nilai keindahan yang berhubung dengan estetika puisi ini menurut Islam dipanggil dengan ilmu al-bayan dan ilmu al-badi'.⁷²

Ilmu al-bayan dari segi bahasanya bererti penerangan, nyata dan zahir. Dari segi istilahnya pula ialah ilmu yang mempunyai prinsip-prinsip dan kaedah-kaedah yang dapat dikenali maksudnya daripada ungkapannya yang berbagai-bagai. Aspek al-bayan melibatkan seperti tasybih (simile) dan pecahan-

72. Shafie Abu Bakar, "Takmilah: Teori Sastera Islam", hal. 34.

pecahannya. Majaz (metafora), Istiarah (alegori) dan Kinayah (metonimi).⁷³⁾

Ilmu al-badi' pula dari segi bahasa bermaksud menciptakan. Dari segi istilah ia adalah satu ilmu khusus yang menjadikan bahasa indah, manis, lembut dan menawan.⁷⁴ Al-badi' terbahagi kepada dua iaitu pengindahan dari segi maknawi dan keelokan dari segi lafzi dengan pecahan-pecahan kedua-dua bidang secara detail. Sebagai contoh, keindahan dari segi maknawi firman Allah bermaksud:-

"Dan Dialah yang menidurkan(mewafatkan)
kamu di waktu malam dan Dialah yang
mengetahui apa yang kamu kerjakan diwaktu
siang".

(Surah al- An'am (6):60)⁷⁵

Keindahan dari segi lafzi (sebutan lahir), pula antaranya termasuklah unsur-unsur bersajak seperti di

73. Ibid., hal. 37.

74. Ibid., hal. 38.

75. Tafsir, hal. 243.

dalam surah al-Duha dan banyak lagi surah-surah di dalam juz' amma. Unsur-unsur maknawi seperti simbol, citra, personifikasi dan hiperbola. Manakala unsur yang dapat dilihat dengan nyata ialah rima, ritma, matra, perulangan, suku kata, aliterasi, asonansi dll.⁷⁶


Di antara kepelbagaian gaya bahasa yang menjadi kesempurnaan kepada penciptaan syair ini seperti yang terangkum dalam al-bayan dan al-badi' tadi, di antaranya ialah kepelbagaian suku kata dan rima, polarima(seperti pantun), diksi(pemilihan kata) seperti dialek Brunei, seni kata dari lagu asli Brunei(lagu kanak-kanak), teka-teki, jampi, penggunaan kata-kata klasik, kata-kata Arab, kata Sanskrit, ganti nama tokoh, nama-nama watak dan gelaran, seruan 'wahai', diksi buah-buahan, nama-nama kuih, nama-nama ikan dan kerang-kerangan, alat-alat perhiasan, makna yang baginda berikan. Selain daripada diksi, keindahan juga terdapat pada gaya perulangan sejajar, seperti

76. Shafie, "Takmilah: Teori Sastera Islam", hal. 39.

ulangan-ulangan anafora, epifora, responsi, ambilan kata akhir, homoteuloton (ajuk bunyi), asonansi dan aliterasi. Demikian juga pada gaya pemakaian perlambangan seperti dari jenis-jenis metafora, alegori, satira, dsb. Keindahan dari segi visual ini juga terletak pada nada dan rasa. Sebelum huraian yang lebih lanjut mengenai kepelbagaiannya dan keindahan bentuk bahasa dalam Syair Kenangan ini, di bawah diturunkan dua carta seperti yang diterangkan di atas.

Carta 4:

Kepelbagai Estetika Dalam Bentuk Bahasa
Syair Kenangan



Carta 5:

Kepelbagaiant Bentuk Bahasa (Form/Visual) Syair Kenangan

4.8.1 Suku Kata dan Rima

Ciri-ciri umum bentuk syair yang baik ialah mengandungi empat baris serangkap dan mengandungi empat perkataan tiap-tiap baris. Jumlah suku kata (Za'ba mengatakan sukatan dan timbangan)⁷⁷ dalam sebaris ialah di antara 8 hingga 12 suku kata dan berimakan a a a a. Justeru itu, apakah Syair Kenangan ini memenuhi syarat-syarat tersebut atau mengandungi variasi kerana terdapat perkataan dan suku kata yang lebih atau kurang dan berimakan selain dari rima di atas. Sila lihat contoh-contoh rangkap yang dipetik secara rambang di bahagian permulaan, pertengahan dan di bahagian akhir syair:-

Rangkap 006 a Ja/ngan me/nya/kit/kan ha/ti um/pa/ma, (11 sk)
b ke/pa/da pan/da/ngan a/pa/lah gu/na, (11 sk)
c ber/tin/dak ber/se/lo/ka ja/di me/ra/na, (12 sk)
d itu/lah le/ka ma/in tak ke/na. (9 sk)

" 313 a Ber/tu/lus ikh/las ber/ha/ti sa/bar, (10 sk)
b tak me/mi/lih mis/kin a/tau sau/da/gar, (11 sk)
c i/ngat mem/per/i/nga/ti di/se/ge/nap se/ki/tar,(14)
d i/tu/lah pe/ga/ngan hu/lu/ba/lang pen/de/kar.(13sk)

" 587 a Se/ki/an/lah du/lu ka/lam ber/ja/lan, (11 sk)
b me/nyu/sun sa/jak ka/ta bi/da/lan, (10 sk)
c ke/pa/da sau/da/ra han/dai ke/na/lan, (11 sk)
d ha/jat di/ha/ti nak ber/ke/na/lan. (10 sk)

77. Za'ba, Pelita Bahasa Melayu 111, London: Mac Millan, 1953, hal. 181.

Jumlah suku kata rangkap-rangkap syair di atas mengandungi antara 8 hingga 12 suku kata, cuma satu baris sahaja mengandungi 13 dan 14 suku kata. Manakala semua rimanya adalah a a a a.

Dari ketiga-tiga rangkap di atas, jelas membuktikan bahawa Syair Kenangan merupakan syair yang memiliki ciri-ciri umum syair yang baik di samping memiliki variasi(kelainan) kerana di setiap baris dalam satu rangkap tidak sama jumlah suku katanya. Selain daripada kelainan dan ketidaksamaan suku kata, ini tidak menghairankan pembaca kerana dalam bahasa Melayu terdapat 'dwi' dan 'tri' suku kata.

Dari segi rima pula, selain daripada bentuk rima a a a a yang umum bagi syair, dalam Syair Kenangan ini terdapat juga rangkap-rangkap yang mempunyai bentuk syair berrima pantun:-

4.8.1.1 Syair Berrima Pantun a b a b

Rangkap 097 a Hutang emas boleh dibayar,
b berhutang budi dibawa mati,

- c nyawa di badan lagi bercerai,
- d hendaknya diingat ayuhai gusti.

Walaupun rimanya a b a b iaitu bentuk pantun tetapi oleh kerana baris a dan b bukan sebagai pembayang maksud maka rangkap ini adalah syair berrima pantun.

Kelainan yang lain dalam kedudukan rima ini ialah apabila pengarang menyisipkan rima dengan dialek Brunei. Misalnya:-

Rangkap 032 a Kehendak Allah Tuhan yang baqa,
b kepada hamba-Nya makhluk belaka,
c sama ada adik atau pun kakak,
d berpujuk rayu hampa belaka.

Rangkap 035 a Wahai tempawan ratna mastika,
b saudara handai adik dan kakak,
c perbuatan baik hanya seketika,
d bukannya jujur tetapi leka.

" 226 a Pada menyebut wajib tak wajib,
b menunaikan haji menyusun tertib,
c beramal ibadat subuh ke maghrib,
d menurutkan hukum syarak yang 'arif.

" 544 a Inderagiri pasirnya lumat,
b karang bercampur dengannya lukan,
c hamba Allah umat Muhammad,
d yang kebijakan sila kerahkan.

Rangkap 032, 035 dan 226 sebenarnya berrima syair a a a a, jika baris c, b(kakak) dan baris d(arif) itu dibaca dalam dialek Brunei. Tetapi jika sebutan standard rimanya menjadi a a b a, a b a a dan a a a b. Sebutan 'kakak' jika dieja dan disebut dalam bahasa Melayu standard tetapi 'kaka' dalam dialek Brunei. Begitu juga rangkap 226, jika dibaca mengikut sebutan Brunei, bunyi [f] disebut [b] atau [p], maka jadilah rimanya a a a a.

Begitu juga rangkap 544, jika "Muhammad" dibaca "Muhammat", maka rima yang terhasil ialah a b a b.

Bagi pendapat pengkaji, semasa penyair Muda Omar 'Ali Saifuddien mengarang syair, baginda sedang mengkhayalkan penyebutan syair dalam sebutan dialek Brunei. Sebab itulah ia meletakkan kata-kata yang berakhir dengan bunyi [f] sekelompok/serima dengan yang berakhir bunyi [b] atau [p]. Demikian juga yang berakhir dengan bunyi [d] dengan [t] (rangkap 544).

Sementara bunyi [k] di hujung perkataan, dengan sendirinya gugur dalam dialek Brunei. Contohnya [kakak] menjadi [kaka].

4.8.2 Penyuntingan

Keindahan Syair Kenangan juga terserlah dengan penyuntingan seperti pantun, lagu asli Brunei, lagu kanak-kanak, teka-teki dan jampi.

4.8.2.1 Penyuntingan Pantun

Kebanyakan dalam korpus-korpus syair baginda, seperti juga yang terdapat dalam syair-syair pengarang yang lain terselit bentuk pantun dan pantun berkait, iaitu mengandungi pembayang dan maksud. Daripada 592 rangkap jumlah rangkap Syair Kenangan didapati sebanyak 166 rangkap adalah dalam bentuk pantun dan pantun berkait. Tujuan menyelitkan bentuk pantun ini tidak lain adalah untuk mewujudkan keindahan yang dengan sendirinya boleh menarik minat pembaca.

Sebagai contoh diturunkan contoh rangkap-rangkap pantun dan pantun berkait:-

- Rangkap 265 a Anyam ketupat bata belayar,
b sekapur sirih sigup bergulung,
c hutang emas dapat dibayar,
d berhutang budi payah menanggung.
- " 297 a Kamujut kepala rempah,
b batangnya berduri-duri,
c bertulus mesra kata mamadah,
d terang benderang intan baiduri.
- " 357 a Anak udang udang juga,
b tak sama dengan anak tenggiri,
c anak orang orang juga,
d manakan sama anak sendiri.
- " 544 a Inderagiri pasirnya lumat,
b karang bercampur dengannya lukan,
c hamba Allah umat Muhammad,
d yang kebajikan sila kerahkan.

Bentuk pantun berkait:-

- Rangkap 339 a Terang disambut ombak di laut,
b *cahaya memanah ke batu pejal*,
c kerana Allah menempuh maut,
d *pantang mati sebelum ajal*.
- " 340 a *Cahaya memanah ke batu pejal*,
b menerbitkan cahaya kilau-kilauan,
c *pantang mati sebelum ajal*,
d ajal sebenarnya di tangan Tuhan.

Selain dari itu, bentuk pantun dan syair juga dipakai dalam menyebut rajang(rejang) dan likur.

Contohnya:-

Rangkap 488 a Lima haribulan rajang delima,
b delima tumbuh di negeri Melaka,
c menjalankan peraturan dengan
saksama,
d bercorak keadilan bukan
bermegah.

" 552 a Kedua likur rajang pinanasan,
b ditanam orang di tepi paya,
c usaha dibuat berhati ikhsan,
d dengan izin Allah tentu berjaya.

4.8.2.2 Lagu Asli Brunei

Penyuntingan syair juga diambil daripada senikata lagu-lagu asli Brunei seperti 'Tak bamban dan Illa dundang'. Misalnya:-

Rangkap 112 a Tak bamban ia luka,
b ditatak kanan kiri,
c madah bermain jangan dibuka,
d si dewa juga pandai menari.

" 168 a Illa dundang-dundang danga iyang,
b dundang disayang adu sayang,
c tali penurut si layang-layang,
d putus teraju kikik melayang.

4.8.2.3 Lagu Kanak-kanak

Dalam lagu kanak-kanak ini, baginda cuma mengambil dua baris pembayang dari lagu umum Melayu iaitu lagu 'Anak Ayam' manakala dua baris isi adalah ilham atau pemikiran baginda sendiri. Dalam lagu 'Anak Ayam' ini baginda cuba menerapkan akhlak dan nilai-nilai budi yang luhur yang seharusnya dimiliki oleh anak-anak remaja. Akhlak dan nilai-nilai budi yang luhur itu terkandung dalam soal-soal ikhlas, jujur, muafakat, aktif, produktif, mempertahankan negara dan taat kepada Allah. Contoh lagu-lagu tersebut ialah:-

- Rangkap 286 a Anak ayam turun sebelas,
b mati seekor tinggal sepuluh,
c berbudi baik bertulus ikhlas,
d akan mendapat sahabat yang petah.
- " 287 a Anak ayam turun sepuluh,
b mati seekor tinggal sembilan,
c berniat jujur kerja bersungguh,
d akan mendapat sahabat handalan.
- " 288 a Anak ayam turun sembilan,
b mati seekor tinggal delapan,
c kalau terdapat sahabat handalan,
d berfaedah sungguh masa hadapan.
- " 289 a Anak ayam turun delapan,
b mati seekor tinggal tujuh,
c rancangan cadangan di masa depan,
d akan terlaksana kalau sakampuh.

- " 290 a Anak ayam turun tujuh,
b mati seekor tinggal enam,
c sanak saudara kerja bersungguh,
d dapat menghindarkan derita
jahanam.
- " 291 a Anak ayam turun enam,
b mati seekor tinggal lima,
c setelah terhindar mara jahanam,
d pertahankan kemakmuran keamanan
sama.
- " 292 a Anak ayam turun lima,
b mati seekor tinggal empat,
c segala pekerjaan berikat sama,
d haruskan kelabaan lekas didapat.
- " 293 a Anak ayam turun empat,
b mati seekor tinggal tiga,
c mana yang baik harus didapat,
d perbuatan kebajikan balasannya
syurga.
- " 294 a Anak ayam turun tiga,
b mati seekor tinggal dua,
c akan terdapat balasan syurga,
d niat yang ikhlas menyertai dia.
- " 295 a Anak ayam turun dua,
b mati seekor tinggal satu,
c niat yang jujur menyertai dia,
d taat dan mengingat Tuhan yang
satu.
- " 296 a Anak ayam turun satu,
b mati seekor tiada tinggalnya,
c taat dan mengingat Tuhan yang
satu,
d cita-cita tercapai sukar
bandingannya.

Dalam lagu 'Anak Ayam' biasa ketara berbeza pemilihan kata dan maksudnya dengan daksi yang telah baginda gunakan. Maksud kata-kata dalam lagu lebih condong kepada soal kejenakaan(cacian terhadap seseorang perempuan yang tidak cantik). Hal ini bertentangan sekali dengan kehendak agama Islam. Sebagai bukti cuba lihat lagu berikut:-

LAGU 'ANAK AYAM'⁷⁸

Anaklah ayam, anak ayam turun sepuluh
mati seekor, mati seekor tinggal sembilan
fikirankulah kusut, fikiran kusut, jiwa mengeluh
mengenangkan bini, mengenang bini macam tempayan.

Anaklah ayam, anak ayam turun sembilan
mati seekor dah tinggal lapan
biniku cantik, biniku cantik tak ada bandingan
gemuk gedempul tak ada potongan.

Anaklah ayam, anak ayam turunlah lapan
mati seekor, mati seekor dah tinggal tujuh
banyaknya makan, makan banyak berkoyan-koyan
sikit berkerja, sikit berkerja mulutnya becok.

Anaklah ayam, anak ayam turunlah tujuh
mati seekor, mati seekor dah tinggal enam

78. Lagu 'Anak Ayam' ini dinyanyikan oleh Md. Zain dalam film 'Singapura Dilanggar Todak'. Lagu ini adalah hasil rakaman penulis di atas ihsan Perpustakaan Arkib Piring Hitam, Radio Televisyen, NBD., pada 12 October, 1994.

memanglah bijak hai pak labu memilih jodoh
mukanya bulat, mukanya? bulat,
seksinya ...

Manakala lagu kanak-kanak Brunei yang lain seperti di bawah ini:-

- Rangkap 533 a Cuk-cuk surapit,
b surapit berdaun limau,
c barang siapa juga tarapit,
d harus ditangkap oleh harimau.

4.8.2.4 Teka-teki

Teka-teki juga berkesan mewujudkan keindahan bunyi baik ritma dan rima dalam Syair Kenangan. Contoh pemakaianya di dalam syair adalah seperti berikut:-

- Rangkap 470 a Jadi makanan sehari-hari,
b pengubah liur setiap hari,
c wahai pakulun muda jauhari,
d apa binatang keris di kaki.
- " 478 a Rajang kapayas dua haribulan,
b mari ditanam di dekat rumah,
c wahai bistari muda handalan,
d buah yang mana tak jatuh ke tanah.

4.8.2.5 Jampi

Selain daripada diksi yang tersebut di atas, kata-kata jampi juga diterapkan oleh baginda dalam syair ini. Dengan demikian bertambah seri lagi estetika dari segi visual. Jampi serapah yang berkaitan dengan hantu syaitan baginda menyatakan:-

- Rangkap 457 a Hantu berjalan meninggalkan tapak,
b batang tubuhnya jarang ternampak,
c lurah kakinya parjarian kapak,
d kalau kurang-kurang kita barupak.
- " 458 a Upak-upak ke mana kau,
b akan mangupak kepala kau,
c itulah bacaan salam dariku,
d hantu syaitan mulutnya kaku.
- " 459 a Penjampi hantu menakutkan syaitan,
b sama ada di laut atau di darat,
c syarat pantaknya buatkan sebutan,
d di situ 'kan sama rabun penglihatan.
- " 460 a Si danur nama bapamu,
b si durmilat nama ibumu,
c durmalik nama anakmu,
d buatkan bacaan janganlah jemu.

4.8.3 Diksi

Sebagaimana yang diterangkan di atas, keistimewaan lain dalam syair baginda ialah diksi atau pemilihan kata yang telah dicernakan dengan cukup indah dan menarik. Dalam aspek ini, baginda banyak memanfaatkan penggunaan dialek Brunei yang merupakan identiti masyarakat Brunei termasuk kata-kata yang berhubungan dengan budaya, sejarah dan adat istiadat Brunei. Misalnya barunjur, batah, mangunjar, usai, babat, kabat, kurabat-kurabat, madam, padah, tabir lawangan, barurung, malabuk, tukaluk, jalama, siman, guntung, bubus, miatu, miani, gagau, barawar galat, talatai, panais liur, kubak, kambayau, jaraya, barbacau-bacauan, bardudun dll. Contoh pemakaiannya dalam syair adalah seperti berikut:-

4.8.3.1 Dialek Brunei

- Rangkap 115 a Di dalam kaban barang dikabat,
b jangan diputus simpulan babat,
c jangan diruah, kurabat-kurabat,
d haruskan kumuh benda berlipat.

Penggunaan dialek Melayu Brunei tersebut telah memberi suatu gaya tersendiri di samping memudahkan kefahaman dan kesenangan orang yang ditujukan dan rakyat atau masyarakat Brunei keseluruhannya. Di sini jelas membuktikan yang baginda berasa bangga dengan bahasanya sendiri. Menurut Lutfi Abas, demi keindahan bahasa sendiri tugasnya yang lain ialah dapat mengemukakan tema.⁷⁹

4.8.3.2 Penggunaan Kata-kata Klasik

Kata-kata purba juga diterapkan oleh baginda seperti yang banyak digunakan dalam karya-karya di sekitar abad ke-lapan belas. Penggunaan kata-kata purba ini bermaksud untuk memperlihatkan keindahan dalam rima dan mungkin 'klise'. Namun demikian, dalam karya-karya baginda, tidak sahaja bagi maksud yang tersebut malah untuk lebih mendatangkan makna dan keberkesanannya kepada khalayak terutama dalam konteks

79. Lutfi Abas, "Terjemahan Semiotik Dalam Bahasa Inggeris Karya Sastera Brunei", Bahana, BSB., NBD: DBP., Mei 1991, hal. 20.

penggunaan nama timang-timangan yang ditujukan kepada putera baginda, antaranya ialah pakulun muda yang pokta, mahkota gusti, muda yang saad, juita ratna tempawan dll. Demikian juga kata umum seperti kuratu, kumkuma, dura, aksara dll. Contohnya di dalam syair adalah seperti di bawah ini:-

- Rangkap 169 a Wahai anakanda *ratna juita*,
b *intan terpilih* cahaya mata,
c syair dikarang untukkan pita,
d ambil yang baik buang yang *lata*.

4.8.3.3 Kata-kata Arab

Selain banyak menonjolkan dialek Melayu Brunei, kata Arab juga banyak dipakai oleh baginda dalam Syair Kenangan ini. Kata-kata Arab yang digunakan di antaranya ialah: rahmat, akhirat, taat, kiamat, niat, ikhlas, sabar, Allahuakbar, baqa, Tuhan yang esa, iman, masyhur, manfaat, 'arif, hukum Fara'id, 'asabah, tawakkal, hadith, firman, mazhab, syaitan, mesjid, ya Allah Rabu'l-Izzati, takbur, fikir, mukmin, muslimin, 'arifin, yakin, takwil, ikhtiar, mazhab, Isim Hizbul-Bahari dll. Contoh penggunaannya di dalam syair adalah seperti di bawah:-

- Rangkap 184 a Wahai saudara muda yang *mukmin*,
b saudara kenalan umat *muslimin*,
c saudara sahabat muda *'arifin*,
d sekalian handai sahabat diyakin.

4.8.3.4 Kata-kata Sanskrit

Baginda juga menggunakan beberapa perkataan sanskrit. Di antaranya ialah agama, bahagia, bangsa, bahasa, bahaya, cita, duka, dewa, duli, dosa, gaya, guna, hina, istana, jasa, kata, kerja, kencana, kaya, mulia, mahkota, mara, naga, paduka, seloka, saksama, syurga, sempurna, segera dan warna. Contoh pemakaianya di dalam syair adalah seperti berikut:-

- Rangkap 239 a Kepada budiman elok bertanya,
b untuk mengetahui *mulia* dan *hina*,
c tatkala memilih benda berguna,
d untuk digunakan di sini sana.

Penggunaan kata-kata purba, Arab, Sanskrit tersebut memperlihatkan identiti yang baginda adalah seorang yang luas pembacaan serta berpengalaman menggunakan kata-kata tersebut, lebih-lebih lagi penggunaan bahasa Arab kerana ia sudah sebati dengan

cara hidup penyair yang sememangnya mendalami pelajaran agama Islam dari pelbagai peringkat guru.

4.8.3.5 Ganti Nama Tokoh

Para penyair yang seangkatan dengan baginda di Nusantara mahupun penyair-penyair di abad ke lapan belas tidak ada yang serupa baginda yang banyak memuatkan nama timang-timangan atau ganti nama seperti yang telah disentuh sedikit dalam bahagian kata-kata purba. Ini merupakan salah satu ciri keindahan. Di bawah dicatatkan nama timang-timangan yang diberikan baginda yang khas ditujukan kepada anakanda baginda yang gahara.

- 01 pakulun muda yang po'ta.
- 02 wajah timangan.
- 03 anakku paduka.
- 04 gusti.
- 05 muda yang su'ud.
- 06 muda jauhari.
- 07 juita ratna tempawan.

08 ratna pakulun emas sekati.
09 intan terpilih.
10 mastika ayah.
11 tempawan ratna mastika.
12 emasku muda yang bijak.
13 pakulun muda budiman.
14 anakanda muda bangsawan.
15 kemala ayahanda emas tempawan.
16 juita muda yang sadah.
17 muda handalan.
18 mahkota gusti emas tempawan.
19 malaiku.
20 juita muda yang 'arif.
21 ratna pakulun kamala hati.
22 malaiku muda yang tenang.
23 pakulun muda yang cekap.
24 pakulun ratna juita.
25 intan dikarang tajuk mahkota.
26 anakanda intanku sayang.
27 pakulun tempawan yang petah.
28 juita muda handalan.
29 anakanda mahkota ayah.

30 utama jiwa muda yang sadah.
31 intan terpilih muda dermawan.
32 juita cahaya mata.
33 jiwa utama tajuk mahkota.
34 utama jiwa muda bangsawan.
35 ingsun muda handalan.
36 muda yang petah.
37 anakanda muda handalan.
38 muda yang 'arif.
39 anakanda mahkota ayah.

Dengan diksi nama timang-timangan di atas dapat memberi gambaran yang baginda ini adalah seorang ayah yang sangat mengasihi serta menyayangi keluarga terutama kepada putera baginda.

4.8.3.6 Nama-nama Watak dan Gelaran Istiadat

Di samping baginda mengindahkan karya dengan diksi nama-nama timangan, baginda juga berupaya memanfaatkan nama-nama watak/tokoh yang sebenar di

Negara Brunei Darussalam berserta dengan gelarannya sekali. Di sini diturunkan beberapa contoh nama-nama dan gelaran atau tugas yang disandang mereka yang seadanya di dalam Syair Kenangan:-

- Rangkap 395 a Jawatan Dalam Haji Mohd. Nor,
b harapan Sultan dalam istana,
- " 396 a Cikgu Haji Jamil muda garini,
b jadi ketua Dewan Bahasa,
- " 397 a Pengiran 'Ali muda yang garang,
b berjawatan pengetua Jabatan Agama,
- " 398 a Datuk Marsal muda yang cergas,
b berjawatan pemangku Menteri Besar,
- " 399 a Pengiran Momin muda yang sabar,
b kerani sulit Kebawah Duli,
- " 404 a Pengiran Yusuf muda yang suut,
b berjawatan Timbalan Setiausaha,
- " 406 a Jawatan Luar Haji Abdullah,
- " 407 a Jadi ketua kampung Bukit Salat,
- " 408 a Jawatan Dalam Laksamana Razak,
- " 411 a Cikgu Hashim Lorong Sikuna,
- " 437 a Pehin Penyurat Jawatan Luar,
b bekerja mengaturkan tempat kedudukan,
- " 439 a Seri Wangsa Menteri Pengalasan,

Contoh pemakaianya dalam syair:-

- Rangkap 399 a Pengiran Momin muda yang sabar,
b kerani sulit Kebawah Duli,
c baik-baik menerima khabar,
d jangan dipakai yang buta tuli.

Dengan adanya diksi gelaran-gelaran yang demikian jelas membuktikan bahawa baginda bukan saja dapat mencipta syair dengan bahasa yang biasa malah berupaya mengaitkan isi kepenyairannya dengan watak-watak berserta gelarannya sekali. Ini membuktikan lagi yang baginda amat peka dan mengetahui orang-orang yang diberi gelaran dan yang dilantik bagi memegang amanah pentadbiran negara.

4.8.3.7 Seruan 'wahai'

Kata fungsional 'wahai' yang dipakai di awal perkataan larik-larik syair dalam beberapa rangkap Syair Kenangan merupakan kata seru yang bernada lembut dan halus yang ditujukan kepada seseorang yang dikasihi baginda. Dengan kata seruan ini menunjukkan baginda menggunakan diplomasi atau tektik yang halus

(seolah-olah bermonolog) dalam memberi pengajaran dan ingatan terhadap anak-anak, kaum kerabat (saudara mara), para pentadbir dan rakyat Brunei Darussalam. Di bawah ini diturunkan sebanyak 47 perkataan penggunaan 'wahai' dengan angka rangkap dan baris-barisnya sekali:-

- | | | | | |
|----|---------|-----|---|--------------------------------|
| 01 | Rangkap | 007 | a | Wahai pakulun muda yang po'ta. |
| 02 | " | 017 | a | Wahai anakanda muda yang suud. |
| 03 | " | 021 | a | Wahai juita ratna tempawan. |
| 04 | " | 028 | a | Wahai paduka ratna tempawan. |
| 05 | " | 035 | a | Wahai tempawan ratna mastika. |
| 06 | " | 036 | a | Wahai emasku muda yang bijak. |
| 07 | " | 037 | a | Wahai pakulun muda budiman. |
| 08 | " | 038 | a | Wahai anakanda muda bangsawan. |
| 09 | " | 041 | a | Wahai anakanda intan terpilih. |
| 10 | " | 043 | a | Wahai juita muda yang sadah. |
| 11 | " | 049 | a | Wahai anakanda muda handalan. |
| 12 | " | 063 | a | Wahai juita muda yang 'arif. |
| 13 | " | 073 | a | Wahai anakanda ratna juita. |
| 14 | " | 080 | c | wahai pakulun saudara handai. |

- 15 " 081 c wahai juita muda jauhari.
16 " 092 a Wahai **malaiku** muda yang tenang.
17 " 096 a Wahai **pakulun** muda yang cekap.
18 " 100 a Wahai **pakulun** ratna juita.
19 " 111 a Wahai anakanda intanku sayang.
20 " 122 c wahai **pakulun** saudara mara.
21 " 124 a Wahai **pakulun** tempawan yang
 petah.
22 " 130 a Wahai juita muda handalan.
23 " 134 c hendaklah diingat wahai intan.
24 " 148 a Wahai **pakulun** ratna tempawan.
25 " 155 a Wahai anakanda mahkota ayah.
26 " 156 a Wahai anakanda ratna juita.
27 " 184 a Wahai saudara muda yang mukmin.
28 " 193 a Dari itu wahai **pakulun**.
29 " 212 a Wahai **pakulun** utama jiwa.
30 " 219 a Wahai **pakulun** muda yang petah.
31 " 237 a Wahai **pakulun** ratna tempawan.
32 " 241 a Wahai juita cahaya mata.
33 " 255 a Wahai juita ratna tempawan.
34 " 259 a Wahai saudara muda teruna.
35 " 260 a Wahai keluarga saudara mara.

- 36 " 316 a Wahai juita emas tempawan.
 37 " 419 c wahai pakulun muda yang petah.
 38 " 443 a Wahai pakulun emas tempawan.
 39 " 470 c wahai pakulun muda jauhari.
 40 " 478 c wahai bistari muda handalan.
 41 " 484 c wahai pakulun laila gusti.
 42 " 500 c wahai ingsun muda handalan.
 43 " 513 c wahai juita janganlah pangling.
 44 " 535 c wahai pakulun muda yang sihat.
 45 " 538 c wahai juita jangan bimbangan.
 46 " 543 c wahai pakulun ratna cumbuan.
 47 " 580 a Wahai juita emas tempawan.

4.8.3.8 Diksi Buah-buahan Dalam Rajang (Rejang)

Demikian juga baginda mencatatkan nama buah-buahan terutama buah-buahan yang terdapat dalam masyarakat Brunei dalam menyebutkan 'rajang' (rejang). 'Rajang' merupakan kepercayaan yang asas dalam konsep kosmologi, astrologi, horoskop, nujum dan ramalan dalam kebanyakan masyarakat Nusantara. Dengan penyebutan

'rajang-rajang' ini menandakan baginda memperlihatkan kefahamannya pada kepercayaan tradisi dan dengan sendirinya menambahkan lagi nilai keindahan dari segi visual atau bentuk karya. Berikut adalah beberapa nama buah dalam masyarakat Melayu dan buah-buahan tempatan Brunei seperti piasau (kelapa), kapayas (pepaya), kambayau, jalayan, delima, tarap (terap), maritus, rambai, matan, pilajau, lakang, rambutan, mampalam, manungan, surapit, langsat, tampoi, durian, sukang, pinanasan, bilunu, bambangan, kalumbi, pulasan, pisang, nenas. Contoh pemakaianya di dalam syair:-

Rangkap 488 a Lima haribulan **rajang** delima,
b delima tumbuh di negeri Mekah,
c menjalankan peraturan dengan
saksama,
d bercorak keadilan bukan bermegah.

" 561 a Lima likur **rajang** bambangan,
b daunnya lebat **kagadung-gadungan**,
c sama berfikir bertimbang-
timbangan,
d terlepas dari lingkaran galangan.

Bandingkan dengan 'Syair Rajang Tujuh Hari' dalam tradisi rejang di Semananjung (bukan sebutan buah-buahan tetapi hari) :-

Dibilang pula harinya Rabu,
lepas Rabu berganti Khamis,
boleh berjumpa Tuhan yang satu,
jangan diikut syaitan iblis.

Dibilang pula harinya Khamis,
lepas khamis berganti Jumaat,
jangan diikut syaitan iblis,
hendaklah beriman dengan taat.⁸⁰

4.8.3.9 Diksi Nama-nama Kuih

Demikian juga baginda menyebutkan nama-nama kuih yang ada dalam masyarakat Melayu dan masyarakat tempatan Brunei seperti kuih kakara, panganan papan, buahulu, jit manis, sairupa, biraksa, kuya lapis, salurut, dilamu, kalupis, jalauri, katilapam, ardam, pinyaram dan cacah. Contoh penggunaannya di dalam syair seperti berikut:-

- Rangkap 467 a Sairupa biraksa sikuya lapis,
b salurut dilamu dadak barpipis,
c pegang memegang mulut tak tumpis,
d menembuskan kubu berlapis-lapis.

80. Lihat Harun Mat Piah, Puisi Melayu Tradisional, hal. 577.

Dengan mengemukakan nama-nama kuih ini berkemungkinan besar penyair ingin masyarakat Brunei tidak melupakan kuih-kuih tradisi Brunei. Dengan ingatan terhadap makanan tradisi ini juga merupakan salah satu unsur akhlak yang baik kerana kita tidak berasa megah dan sompong hanya dengan sajian-sajian moden seperti makanan yang disukai oleh generasi muda sekarang misalnya *kentucky, pizza hut, hot dog, burger* dll.

4.8.3.10 Diksi Nama-nama Ikan dan Kerang-Kerangan

Nama-nama ikan juga baginda sebutkan di dalam syair ini sama ada disebutkan dalam bahasa Melayu standard maupun dalam dialek Melayu Brunei seperti ikan tenggiri, ikan yu, tamanung, kerapu, bakulan, kambura, banau, garunggung, aur-aur, banting-banting, panjulong, duai, pulut-pulut, balais, kitang, kerang, lukan. Di bawah diberikan contoh pemakaianya di dalam syair:-

- Rangkap 113 a Ikan panjulong kambura bantang,
b dapat dirambat apabila datang,
c duai pulut-pulut balais kitang,
d asalkan pandai candik dipegang.

4.8.3.11 Diksi Nama Pakaian dan Alat-alat Perhiasan (Termasuk Peralatan Istana)

Nama alat-alat perhiasan ini juga disebut dalam dialek Melayu Brunei di samping disebut dalam bahasa Melayu standard seperti **sabuk bartabur baju air emas**, kain sukmaindera dastar **barsiring**, tabir lawangan, bantal keturunan suraga ratna, kelambu berasuk perda angsana, tunggul pemajang, tombok, senipit, tunggul panji-panji, pemuras klasik, ula-ula, payong obor-obor, **sinjang bertabur berpunca rebung**, kain silubang bangsi, gagatar permata pudi, galang garoncong situruk-turuk, galang pangaluan bersusun tujuh, bararat natar panjang sambilan, galang sintal, gelang bersiput, gangsa beralas, tikar bangkuang, lampit dll. Contoh pemakaiannya di dalam syair adalah seperti berikut:-

- Rangkap 589 a Tikar bangkuang si tikar purun,
b lampit barjalin rotan paladas,
c alat purbakala turun temurun,
d bargata barpanggau gangsa
baralas.

4.8.3.12 Memberi Makna

Salah satu lagi aspek yang menarik dalam hal keindahan (estetika) ialah memberikan makna pada kata. Hal ini berlaku kemungkinan baginda merasakan bahawa terdapat kata-kata yang digunakan itu tidak dapat difahami oleh pembaca, baik dari warga Brunei sendiri apalagi warga asing. Justeru itu baginda memberikan makna pada kata-kata itu di dalam rangkap Syair Kenangan ini. Cuba lihat contoh berikut:-

- Rangkap 075 a Baropok ertinya berpalu tangan,
b sama sendiri barsurung-surungan,
c jika terlanjur wahai timangan,
d harus mendatangkan rawan
bimbangan.

Demikian juga dalam syair-syair baginda yang lain. Misalnya dalam Syair Rajang Jenaka:-

Bangar itu ertinya busuk,
umpama penganan yang sudah lapuk,
jika terjunterah di segenap
pelusuk,
nama yang baik menjadi kutuk.

(Sy.Rajang Jenaka, hal. 7)

4.8.4 Perulangan

Nilai-nilai estetika yang lain seperti yang umum kepada puisi Nusantara juga telah dimanfaatkan baginda dalam Syair Kenangan ini khususnya dan dalam keseluruhan syair-syair baginda yang lain umumnya. Umpamanya nilai estetika yang biasa terdapat dalam pantun dan syair iaitu 'perulangan sejajar' (parallelism). Perulangan sejajar berupa unit yang diulangi mengandungi lebih daripada satu perkataan. Dalam hal kesejajaran ini F.G. Hubbard mengatakan, "*In all repetition, where the repeated unit consists more than a single word, parallelism is found.*"⁸¹ Hampir semua aspek 'perulangan sejajar' termasuk ulangan-ulangan anafora, epifora, simplok, responsi, ambilan kata akhir, asonansi, aliterasi, homoteuloton, ajuk bunyi (anomatopoeia) dan lain-lain telah diterapkan dan

81. Harun Mat Piah, ibid., hal. 25.

diterapkan oleh baginda dengan cukup indah dan relevan.⁸²

4.8.4.1 **Anafora**

Anafora ialah pengulangan sebuah kata atau lebih pada awal beberapa larik puisi atau kalimat yang berurutan.⁸³

Contoh :-

- Rangkap 174 a *Dapat memikul berat dan ringan,*
b *dapat menunaikan kerja difirman,*
c *dapat mengelakkan perkara disegani,*
d *dapat membuat pekerjaan yang nyaman.*

82. Harun Mat Piah, "Syair-syair Muda Omar 'Ali Saifuddien Dari Pandangan Estetika Dan Etika Islam", kertas kerja Symposium Serantau Sastera Islam, BSB., NBD: UBD., 16-18 November 1992, hal. 17.

83. Panuti Sudjiman(ed.), Kamus Istilah Sastera, Jakarta: PT. Gramedia, 1984, hal. 5.

4.8.4.2 Epifora

Bermaksud pengulangan sebuah kata atau lebih pada akhir beberapa larik puisi atau pada akhir beberapa frasa yang berturutan.⁸⁴ Epifora ini banyak dipakai dalam penciptaan sajak. Misalnya dalam sajak Usman Awang berjodol 'Ke Makam Bonda':-

Tegak kami dimakam sepi
lalang-lalang tinggi berdiri
dua nisan terkapar mati
hanya papan dimakan bumi.⁸⁵

Contoh dalam Syair Kenangan pula:-

- Rangkap 179 a Pegawai kerajaan kakitangannya,
b masuk terjumlah kesemuanya,
c tiada dikira apa bangsanya,
d Islam tak Islam terhitung
semuanya.

4.8.4.3 Simplok

Perulangan dalam kedua-dua kedudukan iaitu di awal dan di akhir kalimat.⁸⁶

84. Ibid., hal. 25.

85. Mana Sikana, Pendekatan Kesasteraan Moden, hal. 64.

86. Harun Mat Piah, Puisi Melayu Tradisional, hal. 25.

Contoh :-

- Rangkap 358 a *Itu dan ini situ sini,*
b *itu dan ini ke situ ke sini,*
c *itu dan ini ke sana ke sini,*
d *jangan hendaknya miatu miani.*

4.8.4.4 Responsi

Perulangan perkataan dalam baris-baris seajar selain daripada kedudukan awal dan akhir dalam kalimat.⁸⁷

Contoh :-

- Rangkap 196 a *Tapakkan tangan jika taruh,*
b *belakang tangan jangan disentuh,*
c *ke jalan yang jahat jangan ditempuh,*
d *untuk kebajikan elok barkampuh.*

4.8.4.5 Kutipan Kata Akhir

Ulangan kata akhir ialah apabila perkataan dalam kedudukan akhir satu kalimat diulang dalam

87. Ibid., hal.27.

kedudukan awal baris atau kalimat berikutnya dalam bentuk sejajar.⁸⁸

Contoh :-

- Rangkap 326 a *Salasih bunga salasih,*
b *buah salasih rambu asalnya,*
c *kasih-kasih jangan berselisih,*
d *kasih juga akan balasnya.*

4.8.4.6 Homoleteuluton

Homoleteuluton adalah penggunaan unsur tingkah bunyi. Unsur ini merupakan gaya baginda yang tersendiri apatah lagi tidak pernah terdapat dalam syair-syair sebelumnya. Contohnya :-

- Rangkap 131 a *Santun, bersantun bersantun santunan,*
b *layan, berlayan berlayan layanan,*
c *sopan bersopan bersopan-sopanan,*
d *subur dan rendang pokok tanaman.*

88. Ibid., hal. 28.

- Rangkap 231 a *Silaturahim pula disebut,*
b *menghubungkan kasih berlemah lembut,*
c *saudara sahabat turut menurut,*
d *bagi kebajikan bersama mengikut.*

4.8.5 Perlambangan

Dalam pengertian yang literal atau biasa, lambang ialah sesuatu yang terpakai untuk menunjukkan sesuatu yang lain. Dalam kesusastraan, lambang adalah benda atau peristiwa konkret yang menyarankan sesuatu yang lain, biasanya berhubung dengan fikiran, sikap dan perasaan. Fungsi lambang adalah untuk melahirkan makna sesebuah karya sastera pada tahap luaran dan dalaman.⁸⁹ Justeru itu perlambangan merupakan salah satu ciri puisi Melayu Nusantara yang cukup dominan. Ini disebabkan masyarakat Nusantara telah begitu mesra atau sebatik dengan pemakaian lambang-lambang dalam aspek-aspek kehidupan dan sosiobudaya tempatan.

Baginda merupakan salah seorang pengarang di Nusantara yang juga amat peka dalam penggunaan lambang-

89. Hashim Awang, op. cit., hal. 40-41.

lambang sama ada yang dicernakan dalam bentuk konkret dan abstrak; pemilihan objek yang tepat dalam memberikan makna implisit; pemakaian kepelbagaian perlambangan dari jenis metafora, smile, perorangan, peribahasa, alegori atau sebagai bahasa figuratif. Dengan pemakaian objek-objek tersebut, membuktikan baginda mempunyai kesedaran estetik yang tinggi kerana dapat memanfaatkan potensi simbolisme sebagai alat estetik dalam karya-karya baginda umumnya dan dalam Syair Kenangan ini khususnya.

4.8.5.1 Kepelbagaian Perlambangan

Lambang-lambang yang diambil sebagai contoh dalam rangkap-rangkap syair di bawah, penyair cuba menyatakan antara nilai (moral) yang baik dengan yang tidak, misalnya Si ubur-ubur melambangkan kejahanatan. Oleh itu penyair menyarankan agar jangan mendekati setiap perkara yang tidak memberi faedah atau yang mendatangkan kejahanatan atau kemaksiatan. Menurut penyair walaupun kita memiliki kecantikan dan ketampanan tetapi jika tidak mempunyai sikap atau

sifat-sifat moral yang baik (berperibadi), sudah tentu akan membawa kepincangan dan keburukan kepada dirinya sendiri (tidak berharga dan tidak bernilai). Untuk mengelakkan perbuatan yang tidak diingini ini, maka elakkanlah diri dari bergaul dengan orang yang pandai bermuka-muka (serigala berbulu kambing) dan orang-orang yang *immoral* (orang-orang yang tidak dapat membezakan antara nilai-nilai baik dan tidak atau lambang yang diberi oleh penyair sebagai tak memilih kurus dengannya gemuk, bercampur kaca dengan delima dan bercampur beras dengan atah). Begitu juga pada menangani teraju negara atau dalam memimpin masyarakat tidak sekali-kali digalakkan memimpin dengan sikap kesombongan, riya dengan kemewahan dan lalai terhadap tanggungjawab. Semua ini adalah punca-punca kekurangan, kelemahan, kelumpuhan dan kehancuran negara. Jika ini terjadi maka sesal kemudian tak berguna lagi. Hanya dengan hati yang jujur dan amanah saja akan dapat menangani masalah moral individu dan masyarakat demi mencapai kebahagiaan, keselamatan di dunia dan di akhirat. Cuba lihat madah penyair:-

- Rangkap 027 a Jangan dicucuk si ubur-ubur,
b miangnya tidak dapat ditutur,
c memberi bergaru duduk barunjur,
d daging yang singsat menjadi kendur.
- " 030 a Bertiup angin mendayu-dayu,
b bunyi seperti burung jentayu,
c pokok yang rendang berdaun layu,
d sedikit tak berharga madah nan sayu.
- Rangkap 445 a Rajawali burung di awan,
b hujung sayapnya seperti lembing,
c ingat-ingat mencari kawan,
d jauhkan serigala berbulu kambing.
- " 068 a Jangan dipakai pekerti manuk,
b sana kemari mata menengok,
c dipandang mata kurang seronok,
d tak memilih kurus dengannya gemuk.
- " 090 a Jangan berdiri di batu marmai,
b jangan dilalui padang yang permai,
c jangan berjalan ditempat yang landai,
d kalau kejahatan akan tercapai.
- " 101 a Kalau bercampur kaca delima,
b akhir mendatangkan bimbang gulana,
c segala perbuatan harus tak kena,
d sesal kemudian tidak berguna.
- " 102 a Tatkala bercampur beras dan atah,
b apabila terjerang ke dalam kawah,
c kalau dimakan tentu barsapah,
d banyak dimakan menjadi barah.

- " 103 a Memakan atah bukannya senang,
b kulitnya timbul senang berenang,
c tidak menghiraukan paluan
gelombang,
d di situkan timbul rawan dan
bimbang.
- " 204 a Kutu dan tungau mengandung kuman,
b sungguh sedap ditindas nyaman,
c misalan perangai kurang siuman,
d ibaratkan tapai tak lama siman.
- " 327 a Air ditetak dimanakan putus,
b walau beratus cincang memutus,
c itulah kadang payah dibubus,
d syarat bersama berhati lurus.

Agak jauh dari makna lambang ialah sindiran berupa alegori dan satira. Alegori adalah penggunaan watak-watak bukan manusia dalam menyerlahkan perlakuan manusia, khususnya yang tidak sihat atau di luar dari norma masyarakat. Sementara satira ialah gambaran yang dibina dari imaginasi menurut yang diimpikan oleh penulis yang selalunya mewakili audiens iaitu masyarakat.⁹⁰ Dengan penggunaan lambang-lambang di dalam rangkap-rangkap syair di bawah ini jelas menggambarkan sikap penyair yang tidak suka pada orang-

90. Harun Mat Piah, "Syair-Syair Muda Omar 'Ali Saifuddien Dari Pandangan Estetika dan Etika Islam", hal.19.

orang seperti dalam perumpamaan talam dua muka,
gergaji dua mata, gunting dalam lipatan atau musuh
dalam selimut. Justeru itu penyair menyarankan agar
berhati-hati dalam menangani orang-orang seperti ini
supaya jangan sampai sesuatu yang tidak diingini akan
terjadi seperti kata baginda dalam lambang 'cincin di
jari haruskan hilang'. Cuba lihat penggunaannya di
dalam syair:-

- Rangkap 167 a Tempawan galuh bersila panggung,
b di atas panggau kelambu jurung,
c hajat menjumlah satu terhitung,
d dalam selimut keris bersarung.
- " 205 a Ambung-ambung kutu,
b tungau bersarang di dalam takir,
c perasaan mengikut hasutan hantu,
d itik berenang di sebalik ceper.
- " 354 a Racun bermain pada sebutan,
b terkadang berlindung pada . . .
gelutan,
c kebanyakan bersembunyi dalam
lipatan,
d sedikit sukar pada pendapatan.
- " 417 a Lumut lunting Pulau Berambang,
b terkembang payung dua bertimbang,
c jika bersunting lupakan serbang,
d cincin dijari haruskan hilang.

- " 534 a Ditangkap harimau bukannya senang,
b kukunya tajam sugin tamiang,
c kalau tidak pandai barumang,
d sungai surut tak dapat berenang.

Gambaran kebijaksanaan dan kelicinan putar belit masyarakat Barat ini sangat tidak disukai oleh baginda. Kebencian baginda terhadap mereka ini tidak jauh bezanya dengan kebencian Pengiran Syahbandar⁹¹ kepada Inggeris yang telah menyebabkan beberapa orang raja hilang kuasa dengan menggunakan tektik dan apa cara sekalipun asal saja maksud mereka tercapai. Lihat rangkap-rangkap syair di bawah sebagai nada benci Pengiran Syahbandar dalam Syair Rakisnya:-

Ulama injil matanya putih,
laku memandang bagai mangalih,
merunding dunia tiadalah letih,
besar dan kecil tiada memilih.

(Sy. Rakis, hal. 86)

Jikalau sudah tempuhnya datang,
berkulit hitam tiada dipandang,
ada dibawa dengan berperang,
ada disuruh menyakiti orang.

(Sy. Rakis, hal. 88)

91. Pengiran Shahbandar Pengiran Md. Salleh ibnu Pengiran Sharmayuda, Syair Rakis, 1983.

Tatkala diam suatu tempat,
diajarnya orang dengan muafakat,
diaturnya pula beberapa adat,
supaya berselisih kuat dan ingat.

(Sy.Rakis, hal. 88)

Rundingan besar tiada terhingga,
ringgit dan suku semua dibuka,
menceraiakan dengan adik dan kakak,
di sanalah banyak orang celaka.

(Sy. Rakis, hal. 88)

Kompeni itu sangat kuasa,
laksana dewa dari angkasa,
suku dan rial amat perkasa,
dihurainya ringgit dan laksamana.

(Sy. Rakis, hal 92)

4.8.6 Nada

Dalam bidang sastera, nada dapat dikaitkan dengan sikap atau 'mood' pengarang apabila membicarakan sesuatu subjek yang dijadikan fokus karyanya.⁹² Bagi Danziger, 'mood' seseorang pengarang itu bererti pernyataan sikap secara bertulis yang sama keadaannya

92. Rahman Shaari, Memahami Istilah Sastera, KL: Karya Bistari, 1981, hal. 62.

dengan nada suara dalam pertuturan.⁹³ Corak nada yang timbul pula bergantung kepada keadaan diri penyair dan juga masyarakat di sekitarnya ketika ia mencipta.⁹⁴ Dari corak nada ciptaan pengarang/penyair dapat dirasakan sama ada penyair bersikap sinis, protes, melankolis, nostalgis,⁹⁵ murung, serius, tenang, angkuh, lembut, sentimental, ironis,⁹⁶ rendah diri, memujuk, menyaran dll.⁹⁷

Setelah menganalisis Syair Kenangan yang lebih menumpukan pada persoalan akhlak demi mentakmilah insan sejagat secara umumnya dan orang-orang Brunei khususnya maka didapati sikap atau 'mood' penyair Muda Omar 'Ali Saifuddien bernada sinis (tidak senang pada sesuatu), serius, rendah diri, menyaran dan nostalgis.

93. M.K.Danziger & W.S.Johnson, op. cit., hal.96.

94. Hashim Awang, op. cit., hal. 55.

95. Rahman Shaari, op. cit., hal. 62.

96. M.K.Danziger, op. cit., hal. 96-99.

97. Hashim Awang, op. cit., hal. 55.

4.8.6.1 Sinis

Dikatakan pengarang bernada sinis kerana baginda tidak suka pada insan-insan yang tidak menyempurnakan (mentakmilah) dirinya dengan adab sopan atau bermoral dan berakhhlak baik dalam kehidupan beragama (termasuk kehidupan sosial), politik, pendidikan dan ekonomi. Kesinisan baginda ini dapat dilihat dalam rangkap-rangkap syair termasuk pada penggunaan lambang-lambang berikut:-

- Rangkap 057 a Jika bulunya hitam berkilat,
b dari laut datang mlarat,
c budi perangai tiada palikat,
d di dalam hati dengki dan hasad.
- " 151 a Ada bermegah kerana pangkatnya,
b martabat lapisan diagungkannya,
c kaya berharta dibawa-bawakannya,
d cerdik dan pintar jadi kesombongannya.
- " 351 a Orang 'alim orang ditabih,
b membeli minyak berbotol-botol,
c meskipun 'alim berkalung tasbih,
d kalau niat tiada betul.
- " 353 a Limau manis tujuh setangkai,
b oleh membeli di kedai cina,
c mulut manis jangan dipakai,
d banyak sudah orang terkena.

- " 354 a Racun bermain pada sebutan,
b terkadang berlindung pada gelutan,
c kebanyakan bersembunyi dalam
lipatan,
d sedikit sukar pada pendapatan.
- " 368 a Ke Tutong membeli siut,
b menyimbat sireh berpapan-papan,
c bukan untung modal terpaut,
d kalau diturut ajakan syaitan.
- Rangkap 394 a Buah rukam berpangkat-pangkat,
b oleh membeli di pasar ikan,
c mulia berharta lagi berpangkat,
d lupakan kewajipan yang ditugaskan.

4.8.6.2 Serius

Nada serius baginda amat ketara dalam menegakkan dan mempertahankan agama, negara dan bangsa. Cuba lihat rangkap-rangkap berikut:-

- Rangkap 039 a Hendaklah tahu emas timangan,
b fikir setia yang kebilangan,
c terbahagi tiga pada bilangan,
d hendaknya dituntut ditinggal jangan.
- " 040 a Pertama iman yang mulia,
b kedua Islam yang diperkaya,
c ketiga ihsan yang amal berbahagia,
d dengan sebolehnya amati dia.
- " 052 a Anakanda pakulun ratna tempawan,
b jangan sekali berhati sawan,
c jalan yang salah mestilah dilawan,
d hendaknya jangan mahu ditawan.

- " 190 a Mempertahankan negara dari rusuhan,
b menegakkan keamanan yang diredaai Tuhan,
c bukan ditegah adalah suruhan,
d tanggungjawab rakyat mengadakan asuhan.
- " 191 a Mengasuh negara supaya aman,
b kemasyhuran negara rakyat budiman,
c aman dan tenteram negara siuman,
d keadilan dibuat menurutkan firman.
- " 273 a Bangsa tak dapat dijual beli,
b asal keturunan hendaklah bertali,
c sesama kita membuat lali,
d harus tak siapa ambil peduli.
- " 275 a Peperangan sabil bukannya mudah,
b kecuali kerana agama Allah,
c menegakkan kebenaran bukan yang salah,
d syaratnya kita tak dapat berpatah.
- " 363 a Gunung Mulu di ulu Limbang,
b kemuncak tinggi mengisi awan,
c jangan lekas perasaan bimbang,
d sememang musuh pasti dilawan.
- " 367 a Hendaknya dipegang seberapa teguh,
b pertalian bahasa biarlah kukuh,
c bangsa masyaraakat jangan bergaduh,
d macan garuda tak dapat menempuh.

- " 415 a Bersama pegangan mengharumkan negara,
b barsulai-sulaian sanak saudara,
c bersama menegakkan agama sugara,
d kemasyhuran kekal harus tak cedera.
- " 419 a Bercincin berbelah buku galagah,
b berbelah rotan barsakah-sakah,
c wahai pakulun muda yang petah,
d untuk kebaikan jangan mengalah.

4.8.6.3 Rendah Diri

Walaupun baginda berkuasa menjadi seorang pemimpin tetapi sifat rendah diri tetap dimiliki oleh baginda. Sifat ini sememangnya menjadi ciri-ciri pemimpin muslim yang sejati kerana dari sikap rendah diri ini menggambarkan seseorang itu jauh dari sikap ria dan sompong diri. Sebagai misal kita lihat dalam hal ehwal kepengarangan syair seperti tercatat di bawah ini:-

- Rangkap 013 a Tarkaduhung sudah kalam berjalan,
b membawa madah kata bualan,
c sebagai tuturan bukan apalan,
d madah nin bukan nasihat bidalan.

- " 016 a Kerana susun sajak dikarang,
 b susunnya janggal berapat
 berjarang,
 c askaranya bida sajaknya kurang,
 d dagang nin bukan ahli pengarang.
- " 020 a Sekira tak sedap kalam bertutur,
 b jangan berkesal silalah tegur,
 c jangan dikeji jangan ditutur,
 d dagang menunggu teguran yang
 jujur.

4.8.6.4 Sedih

Jika seandainya tidak tercapai hasrat
 'kesempurnaan' dalam semua segi kehidupan terutama
 dalam mengendalikan kehidupan beragama maka penyair
 berasa sedih apalagi memikirkan gelagat manusia
 sekarang yang tidak tentu untung nasibnya:-

- Rangkap 136 a Masa dan zaman berpusing madam,
 b setiap hari dan juga malam,
 c biar masa ini dimasa silam,
 d menuju ke hadapan timbul tenggelam.
- " 137 a Masa berpusing zaman beredar,
 b keadaan berubah tukar-bertukar,
 c umpama angin galap berputar,
 d sungguh madam hanya sebentar.
- " 029 a Adat dunia memang beredar,
 b madam seperti galap berpusar,
 c ke arah senang disangka sukar,
 d ke arah kesulitan sahaja terbiar.

4.8.6.5 Menyaran (Amaran atau Awas)

Perkara yang menonjol yang dapat kita kesan ialah nada menyaran yang mirip kepada amaran atau awas. Sebagai seorang ayah yang sekaligus menjadi pemimpin negara maka perkara saranan sebagai amaran atau awas ini sudah menjadi imej dan tidak dapat dipisahkan dari sikap dan nada baginda. Contoh-contoh amaran (termasuk berwaspada) telah banyak diutarakan dalam membicarakan tema. Di bawah diberi beberapa contoh yang lain:-

- Rangkap 055 a Benda perkara yang manfaat,
b hendaknya dicari sehingga dapat,
c walau di laut waima di darat,
d mahulah diunjar seberapa cepat.
- " 067 c bersuka ria bukan ditegah,
d asalkan tak melanggar perintah Allah.
- " 238 a Kawan sahabat payah dicari,
b tempat meletakkan kepercayaan diri,
c untuk menumpukan hasrat ugari,
d hendaknya dipilih orang yang bahari.
- " 274 a Jangan lekas keputusan diambil,
b berputus asa membuat degil,
c sebelum cukup kiasan dalil,
d jangan dahulu berperang sabil.

- " 345 a Kereta jalan di tanah,
b jadi keenderaan sana kemari,
c jangan takut kena fitnah,
d dasar yang baik itu tagari.

Saranan yang berupa amaran atau awas tersebut adalah mencari sesuatu yang bermanfaat termasuk mencari kawan atau sahabat yang baik dan jangan mendekati permusuhan, sebaliknya peganglah pada dasar-dasar yang membawa kebaikan.

4.8.6.6 Nostalgia

Baginda juga tidak melupakan hal-hal nostalgia yang berupa orang, zaman yang banyak membawa kepada perkara-perkara kebaikan dan sebagai bandingan dengan zaman sekarang demi menuju ke arah wawasan yang lebih gemilang. Cuba lihat:-

- Rangkap 098 a Berbuat jahat berpada-pada,
b berbuat baik jangan sekali,
c itulah pepatah dari *moyanganda*,
d fahamkanlah ia berkali-kali.

- " 349 a Kata pepatah orang *kuratu*,
b terlalu banyak bukannya satu,
c semua nasihat di dalamnya itu,
d bangsa masyarakat agar bersatu.

- " 388 a Air pasang mudik ke hulu,
 b perahu berhanyut barbaya-baya,
 c kenang mengingat *zaman dahulu*,
 d jadi pedoman ubaya-ubaya.
- " 390 a jadi ristaan *zaman yang bahari*,
 b kiba nibai gerak dan geri,
 c sarapusnya kalau dapat disedari,
 d untuk persiapan di hadapan hari.
- Rangkap 391 a zaman yang *silam* kira dikaji,
 b bukan *sajamput* disatu segi,
 c menambah pengalaman kira diaji,
 d mendatangkan keuntungan tiada rugi.
- " 392 a Kalau dilupakan perkara yang *lampau*,
 b kira dilupakan masa yang gagau,
 c di tasik madu kalau bargalau,
 d akhir kesudahan berkacau bilau.
- " 416 a Itulah pegangan orang *kuratu*,
 b untuk muafakat hati disatu,
 c membuat kebajikan bantu membantu,
 d cita-cita maju jarangkan buntu.
- " 495 a Langit biru didinding awan,
 b putih kelabu atas udara,
 c kalbu ditimpa pilu dan rawan,
 d bila terkenang masa yang *dura*.

4 . 8 . 7 Rasa

Telah diuraikan di dalam bahagian tema bahawa sesebuah karya sastera mesti mengandungi kebenaran.

Kebenaran ini pula boleh difahami kerana adanya rasa.

Rasa itu pula berupa kata-kata.⁹⁸

Menurut Lutfi Abas, ada **sembilan rasa** berserta **sub jenis rasa** dalam diri seseorang manusia. Pertama, cinta (love): cinta berahi (erotis), cinta platonis (rasa senang tanpa sedikit pun rasa berahi), suka, senang, puas. Lawannya ialah benci, marah, jijik. Kedua, belas(pity): kasihan, rawan, haru, pedih hati, sedih, patah hati, sakit hati, putus asa, tak bermaya, sayu, ikut berasa sengsara, simpati, ingin mati, ingin menolong. Lawannya ialah marah, benci. Ketiga, wiraan (heroism): rela mati, bersemangat, bertenaga (gagah) untuk membela agama, bangsa dan tanahair, megah dan bangga terhadap agama, bangsa dan tanahair, merasa teraniaya, tersinggung, dianaktirikan atau terbelenggu sebagai ahli kelompok masyarakat, bangsa dan negara. lawannya ialah takut, tak bermaya. Lucu(fun): mentertawakan, menggelakkan. Lawannya ialah belas. Kelima, kagum(wonderment): ajaib, aneh, terkejut,

98. Lutfi Abas, "Teori Keindahan Rasa", Dewan Sastera, DBP., KL., September, 1988, hal. 32.

ingin tahu(bertanya pada diri sendiri). Lawannya ialah tidak tertarik. Keenam, takut(fear): gentar, gelisah, risau. Lawannya ialah tenang. Ketujuh, jijik (disgust): mual, benci, malu. Lawannya ialah megah dan bangga, suka, cinta. Kelapan, marah(anger): berang, gusar, tak sangka, rasa tertipu, rasa terhina. Lawannya ialah cinta, suka, senang, tenang. Sembilan, tenang(senerity): aman, rasa sihat, puas, segar. Lawannya ialah takut, gentar.

Dalam Syair Kenangan rasa yang paling menonjol ialah rasa cinta (platonis) dan wiraan. Maksud cinta yang sekaligus wiraan di sini ialah kerana adanya rasa cinta baginda terhadap Allah, anak, keluarga, sahabat/rakan, jiran, para pegawai, masyarakat/rakyat, masyarakat luar dan cinta terhadap bangsa dan negara. Buktinya cuba lihat rangkap-rangkap syair berikut:-

4.8.7.1 Cinta Kepada Allah

- Rangkap 135 a Hubungan kasih ajaran agama,
b sesama saudara mulia dan hina,
c mentaati perintah Tuhan Rabbana,
d mentaati Allah seberapa sempurna.

- " 155 a Wahai anakanda mahkota ayah,
b utama jiwa muda yang sadah,
c membuat kebajikan kerana Allah,
d disertai dengan perangai dan
olah.

4.8.7.2 Cinta Kepada Anak

- Rangkap 038 a Wahai anakanda muda bangsawan,
b kemala ayahanda emas tempawan,
c muda remaja lagi pahlawan,
d hendaklah diunjar fikir dermawan.

4.8.7.3 Cinta Kepada Keluarga dan Sahabat

- Rangkap 066 a Setelah tamat pelajaran usai,
b balik berkumpul tiada lalai,
c dengan saudara sahabat handai,
d hibur menghibur berhati permai.

- " 128 a Dengan saudara handai taulan,
b bersama mengukuhkan tali
simpulan,
c simpulan muhibbah saudara
kenalan,
d bangsa dan agama sama berjalan.

- " 156 a Berbaik-baik dengan saudara
kerabat,
b hubungkan kasih dengan sahabat,
c berkasih sayang seberapa dapat,
d menuju ke arah jalan yang sihat.

4.8.7.4 Cinta Kepada Jiran

- Rangkap 200 a Misalkan memberi sedekah zakat,
b carilah saudara rumah yang dekat,
c saudara handai kampung sepakat,
d sahabat jiran rakan sejawat.

4.8.7.5 Cinta Kepada Para Pegawai

- Rangkap 179 a Pegawai kerajaan kakitangannya,
b masuk terjumlah kesemuanya,
c tiada dikira apa bangsanya,
d Islam tak Islam terhitung
semuanya.

4.8.7.6 Cinta Kepada Masyarakat atau Rakyat

- Rangkap 165 a Jangan dipusing mata melihat,
b amatilah ia seberapa dapat,
c jangan diasingkan karang dan
takat,
d haruskan bergampuh bangsa
masyarakat.

- " 178 a Tenaga negara ialah rakyat,
b penduduk tulin saudara sahabat,
c perantau laut perantau darat,
d semuanya itu masuk tarbabat.

4.8.7.7 Cinta Kepada Masyarakat Luar

- Rangkap 186 a Dagang asing yang datang musafir,
b sama ada kaya mahupun fakir,
c bertulus ikhlas hendaknya
sefikir,
d kuranglah elok perasaan mengusir.

- " 187 a Walaupun bukan bangsa sepancir,
b asalkan muafakat bersama sifir,
c jangan berdegil berkucar kacir,
d sebelum berkata dahulukan fikir.

4.8.7.8 Cinta Kepada Bangsa dan Negara

- Rangkap 087 a Saudara mazhab bangsa sapancir,
b dijalan kebaikan bersama fikir,
c bersama bertahan jangan
bersingkir,
d untuk kebaikan saudara sesifir.

- Rangkap 129 a Untuk kebaikan saudara dan
handai,
b bagi kemakmuran negara yang
permai,
c mudahan aman negara yang damai,
d harum semerbak intan berderai.

- " 185 a Saudara Islam lagi sebangsa,
b masyarakat seagama amat
berbahasa,
c bertulus kasih sentiasa,
d jangan berputus memutuskan asa.

Demikianlah madah baginda dalam melahirkan rasa cinta terhadap aspek-aspek yang telah disebutkan di atas. Untuk membuktikan rasa cinta kita terhadap seseorang atau sesuatu, baginda tetap menegaskan tentang kepentingan moral dan akhlak:-

- Rangkap 508 a Sembilan haribulan rajangnya
matan,
b berkembangan bunga nurmalaawati,
c usai dan kamasi segala perbuatan,
d itulah bukti cinta sejati.

Sebagai kesimpulan, dengan gaya bahasa, nada dan rasa yang dibentangkan di atas ternyata sekali Syair Kenangan menonjolkan sifatnya yang tersendiri dan dapat mengasingkannya daripada syair-syair yang sejenis dengannya. Unsur-unsur kelainan ini menjadi satu sifat baginda yang istimewa yang membezakan penulisan baginda dengan penyair-penyalir yang lain di Nusantara. Setiap pencanggahan baik dari segi morfologi dan sintaksis dalam Syair Kenangan ini adalah berupa sebagai satu deviasi atau peyimpangan dalam memberi keindahan bahasa dalam kesusasteraan kerana setiap penyair itu mempunyai cara, sikap dan ekpresinya sendiri. Justeru itu, Pengkaji bersetuju dengan pendapat Mana Sikana yang menyatakan, "Rasanya tidak ada pengarang yang cuba atau mahu memusnahkan bahasa. Kita sedar, segala kegiatan deviasi bahasa adalah untuk mendapatkan keindahan dan kekuatan, lebih-

lebih lagi bagi mencipta stail peribadi".⁹⁹ Tambahan lagi "kekuatan dan keunggulan seorang penulis menggunakan atau mengeksplorasi kemungkinan bahasa bagi mencipta sebuah tulisan kreatif akan menonjolkan kemampuan serta gaya (style) tulisan yang indah".¹⁰⁰ Oleh hal yang demikian, dengan gaya bahasa yang mampu dikuasai oleh penyair Omar 'Ali Saifuddien ini dapatlah baginda dianggap sebagai seorang penyair intelek, berwibawa dan dikagumi.

99. Mana Sikana, Pendekatan Kesusastraan Moden, hal. 63.

100. Farid M. Onn, "Keindahan Bahasa Dalam Sastera: Suatu Penilaian Bentuk Kata", Stilistik Simposium Keindahan Bahasa, KL: DBP., 1982, hal. 84.